

Laporan
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR
AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN
ANUGERAH KUALITI NAIB
CANSELOR (AKNC)
2021
FAKULTI UNDANG-UNDANG
PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN PELAJAR

KETUA PTJ :

HARTINI BINTI SARIPAN

KETUA UNIT KUALITI :

MAZLINA BT MOHAMAD MANGSOR

PENYELARAS :

NUR ASMA BINTI YAHAYA

PENULIS :

1. NURUS SAKINATUL FIKRIAH BT MOHD SHITH PUTERA
2. MUHAMMAD AZRIL BIN ROSLAN
3. HARIZ SUFI BIN ZAHARI
4. HABIBAH BINTI OMAR
5. SYAZNI NADZIRAH BINTI YA'COB
6. IKMAL HISHAM BIN MD. TAH
7. SITI NURAMANI BINTI ABDUL MANAB

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Bermatlamatkan ***High Quality Students Through Academic Excellence, Global Prominence and Holistic Learning***, kepimpinan kanan Fakulti Undang-Undang (UiTMLaw) diterajui oleh Dekan, proaktif dalam mewujudkan perkongsian tanggungjawab strategik bagi melahirkan graduan undang-undang Bumiputera berkualiti, holistik dan berprofil tinggi. Ini adalah bagi memenuhi tuntutan globalisasi yang semakin dinamik dan kompleks yang menjadi pemangkin transformasi dalam industri perundangan. Selaras dengan visi melahirkan ***Leading Legal Professionals for the Global Community and Industry***, barisan kepimpinan UiTMLaw mengadaptasi pendekatan **kepimpinan transformasional dan inspirasional** (*transformational and inspirational leadership*) dalam menggerakkan tumpuan-tumpuan utama perancangan strategik fakulti. Berpaksakan **Pelan Strategik UiTM2021**, anjakan paradigma yang dibawa dalam kepimpinan transformasional ini adalah ke arah pembinaan matlamat yang dikongsi bersama (*shared vision*) di antara warga fakulti, mewujudkan iklim pembelajaran yang kondusif serta menggalakkan sinergi di antara pemegang taruh berkepentingan dalam menyokong pembangunan pelajar.

Pada tahun 2020, kepimpinan kanan serta Jawatankuasa Perancangan Strategik Fakulti telah melakukan **Pemetaan Pelan Tindakan Strategik (UiTMLaw Strategic Action Plan)** bagi menyokong transformasi profesion perundangan negara berlandaskan dua teras strategik iaitu *Global Excellence* dan *Quality Education* yang berpandukan kepada misi dan visi UiTM. Keperluan pendekatan kepimpinan transformasional dan inspirasional dilihat signifikan apabila penularan wabak COVID-19 berlaku yang memerlukan peranan kepimpinan UiTMLaw untuk menyelesaikan masalah persekitaran yang kompleks, mengamalkan komunikasi berkesan dan terbuka, mempunyai fleksibiliti, mengaplikasikan teknologi terkini, dan menjadi fasilitator perubahan. Pendekatan yang digunakan ini membolehkan kepimpinan UiTMLaw memaksimumkan potensi warga fakulti serta melonjak prestasi yang berimpak tinggi melalui intervensi-intervensi yang telah dilakukan.

Sehubungan dengan itu, kepimpinan kanan fakulti diterajui oleh Dekan dan disokong oleh tiga (3) Timbalan Dekan iaitu Timbalan Dekan Akademik (HEA), Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar (HEP), Timbalan Dekan Penyelidikan, dan Jaringan Industri (TDPJI) telah merancang dan melaksanakan pelan pembangunan pelajar yang mapan, reaktif dan sejajar dengan keperluan industri dan unjuran keperluan tenaga mahir berdasarkan empat strategi perluasan iaitu **Memacu Produktiviti, Memperkasa Keterlibatan, Menginspirasi Perubahan dan Pengurusan Komunikasi Strategik**. Struktur pentadbiran turut dibantu oleh Timbalan Perdaftar, Ketua Pusat Pengajian (KPP), Koordinator dan staf pentadbiran. Gandingan kerjasama tersebut, berserta pelan pemantauan fakulti yang berpandukan **Komunikasi Strategik, Akauntabiliti Dan Ketelusan, Pengurusan Data Dan Maklumat Serta Intervensi** telah berjaya melonjak profil global UiTMLaw dengan pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa pelajar dan pensyarah. Malah tahun 2020 lebih bermakna apabila UiTMLaw telah memenangi **THE Awards UiTM: Outstanding Support for Students** menerusi program **UiTMLaw Virtual Students Excellence Award**. Pencapaian UiTMLaw dalam pembangunan pelajar juga diukur dengan kejayaan melonjakkan prestasi keseluruhan fakulti kepada 82% (2020) daripada 69% (2019) dengan 100% pencapaian dalam prestasi Akademik dan Hal Ehwal Pelajar. Impak keberkesanan program pembangunan pelajar akhirnya diukur dengan prestasi cemerlang sebanyak 95.4% dalam **Kajian Kebolehpasaran Graduan oleh Unit Kebolehpasaran Graduan 2020**. Ini membuktikan penerimaan dan pengiktirafan industri perundangan terhadap pelajar undang-undang Bumiputera UiTM, seterusnya menunjukkan pelaksanaan pelan strategi yang berkesan dan berimpak tinggi

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pelan Strategik Fakulti Undang-Undang 2016-2020 yang inklusif dan menyeluruh telah dirangka oleh kepimpinan kanan dan Jawatankuasa Perancangan Strategik Fakulti berdasarkan agenda dan garis panduan di peringkat nasional, kementerian dan universiti. Pendekatan **kepimpinan transformasional dan inspirasional** (*transformational and inspirational leadership*) digunakan dalam merealisasikan matlamat **High Quality Students Through Academic Excellence, Global Prominence and Holistic Learning (AEGP&HL)** dengan berpaksikan **4Is of Transformational Leadership** iaitu **Pengaruh Ideal (Idealized Influence)**, **Rangsangan Intelpek (Intellectual Stimulation)**, **Motivasi Berinspirasi (Inspirational Motivation)** dan **Pertimbangan Individu (Individual Consideration)** seperti dalam Gambarajah 1 (rujuk Gambarajah 1). Kepimpinan transformasional dan inspirasional ini memusatkan tumpuan kepada membina matlamat yang dikongsi bersama, meningkatkan komunikasi serta membuat keputusan secara kolaboratif. Uniknyanya kepimpinan UiTMLaw adalah pada sumbernya (*resources*) iaitu nilai peribadi dan kepercayaan kepimpinan kanan terhadap perkongsian kepimpinan itu sendiri yang akhirnya boleh melahirkan pemimpin dalam kalangan warga fakulti (*leaders create leaders*). Model kepimpinan transformasional dilihat sesuai untuk dilaksanakan bagi mengeratkan kolaborasi keseluruhan ekosistem fakulti yang akhirnya membawa kepada kualiti pedagogi prestasi pelajar yang berada pada tahap yang tinggi.

Barisan kepimpinan UiTMLaw memberi penumpuan kepada dua teras pelan tindakan strategik yang dimetakan kepada keperluan matlamat **AEGP&HL** iaitu **Industry, Community & Alumni Smart Partnership (ICASP)** dan **Entrepreneurial & Well-Balanced Graduates**. Rangkuman proses pemetaan teras dan agenda perancangan strategik seperti dalam Gambarajah 2 (rujuk Gambarajah 2) memberi penekanan lebih agresif untuk memperluas jaringan kerjasama di peringkat global serta memberi fokus pada perubahan, perkembangan dan keperluan membabitkan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) dan Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs) di dalam strategi pembangunan pelajar. Penjajaran dan pemetaan teras perancangan strategi ini telah melonjak UiTMLaw sebagai pemain global pendidikan undang-undang (*global player for legal education*) dengan mewujudkan ekosistem partisipatori yang melibatkan kesemua pemegang taruh yang terdiri daripada akademik, industri, kerajaan dan juga masyarakat.

SENARAI BUKTI:

1. [1.2 Pendekatan \(Approach\).pdf](#)
2. [Malaysian Higher Education Blueprint 2020-2025.pdf](#)
3. [Pelan Strategik UiTM 2025.pdf](#)
4. [Pelan Strategik Fakulti Undang-Undang 2016-2020 & Faculty of Law Strategic Action Mapping 2020.pdf](#)
5. [Slide Pembentangan UiTMLaw 2019 & Beyond.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Berlandaskan pemetaan teras dan perancangan strategik UiTMLaw dan *4Is of Transformational Leadership*, strategi perluasan adalah:

(1) Memacu Produktiviti (*Driving Productivity*)

Dalam memacu produktiviti fakulti, strategi **Pengurusan Kualiti Menyeluruh** oleh kepimpinan kanan berorientasikan pelanggan, penambahbaikan secara berterusan dan melibatkan semua aspek dalam fakulti (*total involvement*) telah berjaya apabila UiTMLaw diberi *status commendation* di dalam 46 bidang daripada 53 jumlah keseluruhan bidang yang diaudit semasa Penilaian Audit Luar iQMS 2020 pada 22-24 Jun 2021.

(2) Memperkasa Keterlibatan (*Empowering Engagement*)

Kepimpinan UiTMLaw memberi fokus kepada **keterlibatan** bermatlamat, dan produktif antara fakulti dengan pemegang taruh berkepentingan di dalam (struktur bahagian, persatuan pelajar) dan luar universiti (rakan strategik, industri, komuniti, NGO dan agensi kerajaan). Contoh keterlibatan dalam Gambarajah 3 (rujuk Gambarajah 3) bertujuan untuk memperkasa kemahiran pelajar agar kekal relevan dengan kehendak industri. Ini dibuat dengan **mewujudkan jawatankuasa penilaian pembangunan pelajar bersama industri, perlantikan pakar industri sebagai Profesor Adjung dan inisiatif libatsama alumni dan industri dalam memperkasa program akademik dan ko-kurikulum**. Hasil inisiatif ini adalah kebolehpasaran graduan UiTMLaw yang tinggi terutamanya graduan Sarjana Muda Undang-Undang iaitu 95.4% (**Kajian Kebolehpasaran Graduan oleh Unit Kebolehpasaran Graduan 2020**).

(1) Menginspirasi Perubahan (*Inspiring Change*)

Barisan kepimpinan kanan **menginspirasi perubahan** menerusi **pengurusan pengetahuan (*knowledge management*)** warga fakulti sebagai agen perubahan yang berkesan. Bermisikn pembudayaan ilmu, kepimpinan UiTMLaw telah berjaya membawa warga fakulti dan pelajar mendepani cabaran *Open & Distance Learning (ODL)* akibat Covid-19. Ini dilakukan dengan mewujudkan **C19-eLearn@UiTMLaw Task Force** bagi menyediakan warga menerusi **garis panduan eLearning@UiTMLaw, Quick Guide to eLearning@UiTMLaw, landing page UiTMLaw Standing Together (one-stop information centre)** serta siri-siri webinar pemantapan kemahiran platform digital dan PdP. Ini telah berjaya merealisasikan matlamat **Academic Excellence dan Holistic Learning** apabila UiTMLaw dianugerahkan **Open & Distance Learning (ODL) Award, Anugerah Akademik Universiti 2020**.

Inspirasi perubahan juga dilihat dalam mencapai **Global Prominence** UiTMLaw. Pelajar menjalani *global learning* melalui pembelajaran secara inovatif. Kejayaan strategi ini terbukti apabila UiTMLaw menerima anugerah **Most Active Faculties 2020/2021** daripada **Centre for Innovative Delivery & Learning Development** dan **Collaborative Group Award 2020, Anugerah Akademik Universiti 2020**.

Fakulti juga menekankan **Holistic Learning** dengan menganjurkan program ko-kurikulum melibatkan sinergi pelajar-pelajar bersama industri dan universiti-universiti luar negara. Contohnya, UiTMLaw Beyond Boundaries “Symbiosis UiTMLaw & Universitas Padjadjaran, Indonesia: Global Immersion Programme 2020, ALSA Law Students’ International Collaboration Forum: “From Pandemic to Diversity Possibilities: A Joint Programme of ALSA UITM, ALSA LC Universitas Airlangga & ALSA Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan International Webinar on Legal Education Amidst Covid-19: UiTMLaw and Universitas Airlangga.

(2) Pengurusan Komunikasi Strategik (*Strategic Communication*)

Pengurusan komunikasi yang melibatkan komunikasi strategik (*strategik communication*) secara lisan, bertulis dan platform media sosial adalah strategi perluasan yang penting. Ia melibatkan penyaluran informasi berkesan kepada pemegang taruh berkepentingan dalaman iaitu pelajar, pensyarah, dan staf fakulti menerusi **Amanat Dekan, taklimat Timbalan-Timbalan Dekan, mesyuarat dan townhall** yang dikendalikan bersama Majlis Perwakilan Pelajar. Ia dilakukan melalui pemakluman dan garis panduan yang dimuatnaik ke dalam platform-platform atas talian seperti **laman sesawang fakulti, Pigeonhole Live serta platform WhatsApp dan Telegram**. UiTMLaw telah memanfaatkan platform media sosial seperti Instagram dan YouTube seiring dengan kehendak generasi kini yang mementingkan penyaluran informasi *real-time* dan *mobile*.

SENARAI BUKTI :

1. [1.3 Perluasan \(Deployment\).pdf](#)
2. [Bukti Keterlibatan Industri Dalam Strategi Pembangunan Pelajar.pdf](#)
3. [Penubuhan Task Force & Hebahan Garis Panduan ODL Semasa Covid-19.pdf](#)
4. [Poster Penganjuran Siri-Siri Webinar UiTMLaw. Poster-Poster Penganjuran Global Learning Pelajar.pdf](#)
5. [Anugerah-Anugerah & Keberhasilan Strategi Berorientasikan Pembangunan Pelajar.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

UiTMLaw komited dalam memastikan strategi yang dilaksanakan adalah berdasarkan kepada perkhidmatan teras (*core business*) dan menjurus kepada pencapaian misi dan visi fakulti. Penetapan objektif strategi yang jelas oleh kepimpinan UiTMLaw membantu menentukan pengukuran yang tepat dalam memantau pencapaian strategi berkenaan. Perancangan dan pemantauan dari semasa ke semasa dilakukan bagi mengenal pasti ruang dan peluang penambahbaikan dengan lebih sistematik. Terdapat empat pengamatan yang diberi penekanan yang sewajarnya bagi menjamin kejayaan pelaksanaan pelan pemantauan fakulti iaitu seperti dalam Gambarajah 5 (rujuk Gambarajah 5).

Pelan pemantauan ini telah diterapkan oleh kepimpinan kanan UiTMLaw dalam memastikan kualiti pengajaran dan pembelajaran *Open and Distance Learning* (ODL) semasa penularan wabak Covid-19 adalah terjamin. Bagi tujuan pelaporan, pemantauan dan audit, para pensyarah dikehendaki untuk menyimpan dan merekodkan bukti pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan seperti *Google Form Attendance*, tangkap layar platform yang digunakan, *WhatsApp/Telegram Export Chat* dan juga sebarang bentuk komunikasi bersama pelajar. Para pelajar juga dikehendaki memastikan para pelajar mengisi borang maklum balas yang telah disediakan oleh pihak fakulti setelah setiap sesi pembelajaran berakhir bagi mendapatkan maklum balas pelajar untuk proses penambahbaikan. Contoh aspek Pelan pemantauan UiTMLaw dan pendekatan yang diambil semasa ODL berlansung adalah seperti dalam Gambarajah 6 (rujuk Gambarajah 6).

SENARAI BUKTI:

1. [1.4 Pembelajaran \(Learning\) \[1.4.1 Pemantauan \(Monitoring\)\].pdf](#)
2. [Komunikasi Strategik.pdf](#)
3. [Akauntabiliti dan Ketelusan.pdf](#)
4. [Pengurusan Data & Maklumat.pdf](#)
5. [Intervensi.pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Bagi memastikan keperluan dan kesinambungan pelaksanaan sistem penyampaian, pengurusan risiko adalah penting dalam memastikan pengurusan risiko yang efektif bagi memastikan hasil dan matlamat pelan strategi tercapai. Dalam merangka Pelan Induk Pengurusan Risiko fakulti, dasar dan polisi yang menjadi rujukan utama adalah Arahan Dasar dan Mekanisma Pengurusan Risiko yang digariskan oleh Unit Pengurusan Risiko UiTM merangkumi peringkat penetapan konteks, mengenalpasti risiko, menganalisa risiko, pemantauan dan semakan semula serta aktiviti komunikasi dan perbincangan dengan pihak yang berkaitan. Mekanisme Pengurusan Risiko dilakukan dengan mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Risiko Fakulti. Peranan utama Jawatankuasa ini ialah untuk membantu UiTMLaw dalam menyelia operasi Pengurusan Risiko, mengenal pasti ketepatan perancangan dan keberkesanan langkah-langkah pencegahan risiko atau penambahbaikan yang diambil. Maklumat pengurusan risiko UiTMLaw adalah seperti yang tertera dalam Gambarajah 7 (rujuk Gambarajah 7) di bawah.

Manakala Tahap Risiko dinilai berdasarkan Tahap kebarangkalian berlakunya sesuatu risiko dan akan diberi penarafan skala mengikut Jadual Indeks Kebarangkalian yang ditetapkan oleh Arahan Dasar dan Mekanisma Pengurusan Risiko UiTM seperti dalam Gambarajah 8 (rujuk Gambarajah 8).

Mengenal pasti risiko dengan tahap risiko adalah proses penting bagi barisan kepimpinan kanan UiTMLaw merangka pelan pengurusan risiko dan intervensi komprehensif terutama risiko tahap tinggi dan ekstreme. Pada tahun 2020, kepimpinan Kanan UiTMLaw telah memberi perhatian kepada 4 dimensi risiko iaitu **kualiti akademik, pembangunan pelajar, ketangkasan pentadbiran dan keselamatan warga**. Dari aspek kualiti akademik, **risiko ketidakmampuan pelajar** untuk menjalani pembelajaran dan pentaksiran yang kondusif, adil dan inklusif adalah fokus utama barisan kepimpinan UiTMLaw. **Kekurangan kemahiran teknikal** warga UiTMLaw adalah juga risiko utama yang difokuskan. Oleh yang demikian, pelbagai inisiatif dan intervensi telah dilaksanakan untuk mengurus risiko ini.

Selain itu, **risiko program pelajar yang tergendala** akibat Covid-19 juga diberi perhatian dengan pelan pengurusan yang efektif bagi memastikan program pembangunan pelajar diteruskan dengan pendekatan yang inovatif. Hasilnya, program pelajar, kolaborasi dan penyelidikan telah mengalami transformasi untuk memastikan kelangsungan ketika pandemik. **Ketangkasan para pentadbir** dalam memberikan perkhidmatan cemerlang juga dikenalpasti dalam menyediakan sokongan kepada mereka untuk bekerja dari rumah. Pentadbir UiTMLaw telah memberikan komitmen cemerlang dalam mengurus risiko ini dan memastikan operasi pentadbiran adalah berkesan. Seterusnya, **risiko keselamatan dan kesihatan warga UiTMLaw** adalah menjadi pertimbangan utama dalam semua pelan tindakan dan pelaksanaan program di UiTMLaw.

SENARAI BUKTI :

1. [1.4 Pembelajaran \(Learning\) \[1.4.2 Kenal Pasti Risiko \(Act\)\].pdf](#)
2. [Panduan Pengurusan Risiko UiTM.pdf](#)
3. [Minit Mesyuarat Pengurusan Eksekutif \(MPE\) Fakulti Undang-Undang Bil. 7-2020.pdf](#)
4. [Pelaporan Open & Distance Learning \(ODL\) UiTMLaw kepada Timbalan Naib Canselor Akademik UiTM-1-5.pdf](#)
5. [eLearningUiTMLaw Report-1-5.pdf](#)

1.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Proses mengenal semula menjadi ekosistem kualiti utama kepimpinan kanan dan ahli eksekutif *UiTMLaw* bersama Unit Kualiti dan Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti. Ia mempunyai **2 tujuan utama iaitu intervensi segera dan penambahbaikan jangka panjang** yang berpusatkan kepada **lima (5) fokus utama**:

Memacu pendidikan undang-undang dan professional

UiTMLaw sentiasa memastikan kualiti pendidikan undang-undang terkehadapan. Penambahbaikan jangka panjang dilaksanakan secara berperingkat termasuk penyediaan perbicaraan di mahkamah elektronik, *AR-trial simulation* dan inovasi pendidikan klinikal undang-undang yang meliputi latihan industri.

Bagi intervensi segera, *UiTMLaw* memastikan komunikasi berterusan dan dua hala di antara pensyarah dan pelajar bagi pembelajaran inklusif dan efektif. Penambahbaikan penilaian dan pentaksiran juga diperkukuhkan tanpa menjejaskan kualiti dan keperluan badan profesional.

Pengukuhan nilai tambah dalam norma baru

Penambahbaikan utama adalah memperkukuh nilai tambah dalam menjalankan kolaborasi bersama rakan industri dan universiti dalam dan luar negara. Inovasi program yang memberi kemahiran praktikal dan teknikal kepada pelajar diperkukuhkan termasuk program mobiliti dan advokasi yang bersesuaian dengan cabaran pandemik.

Peningkatan kemahiran warga dalam platform eLearning

UiTMLaw menjalankan kajian semula berterusan berkenaan dengan persediaan dan kemahiran semua warga dalam menjalani norma baru pendidikan undang-undang. Keperluan pengukuhan semula dan peningkatan kemahiran perlu dijalankan dari aspek kemahiran teknikal (*know-how*) dan juga pengurusan emosi dan pengukuhan kemahiran insaniah.

Kolaborasi merentas bidang diperkukuhkan dengan pelbagai rakan kolaborasi termasuk Perpustakaan Tunku Abdul Rahman (PTAR), Pusat Kesihatan dan Telekaunseling Pusat Kaunseling UiTM, Fakulti Perubatan dan alumni pelbagai bidang bagi memastikan bantuan dari segi emosi, psikologi, kemahiran insaniah dan teknikal diperhebatkan.

Pembudayaan eLearning@UiTMLaw sebagai norma baru

Intervensi diperhebatkan untuk memastikan komunikasi berterusan dengan menyalurkan maklumat kepada pelajar tentang tatacara permohonan Bantuan Kewangan dan Data Internet yang merupakan masalah utama pelajar. Pengukuhan budaya juga disuntik dengan pelaksanaan program yang konsisten termasuk penerbitan *eNewsletter* bagi menyemarakkan pemahaman semua warga atas kepentingan transformasi budaya pembelajaran, penyelidikan, penerbitan dan cara kerja *UiTMLaw*.

Penglibatan berimpak tinggi alumni dan rakan kolaborasi

UiTMLaw mengadaptasi model *Quadruple Helix* yang melibatkan ahli akademik, industri, kerajaan dan masyarakat. Kerjasama berterusan bersama profesor adjung, pemeriksa luar negara dan profesor pelawat juga diperkukuhkan. *UiTMLaw* memperhebatkan kerjasama bersama alumni yang diterajui oleh Persatuan Alumni Undang-Undang UiTM bagi melaksanakan program berimpak tinggi.

Gambarajah 9 (rujuk Gambarajah 9) menunjukkan strategi yang dirangka dan digunakan oleh fakulti.

SENARAI BUKTI :

1. [1.4 Pembelajaran \(Learning\) \[1.4.3 Mengkaji Semula dan Tindakan Penambahbaikan\].pdf](#)
2. [Minit Mesyuarat Bersama Profesor Adjung, YM Raja Dato' Ahmad Mohzanuddin Shah Raja Mohzan.pdf](#)
3. [Minit Mesyuarat Pengurusan Eksekutif Khas.pdf](#)
4. [Minit Mesyuarat Bersama Resource Person & Penilai Luar \(External Reviewer\) Prof Dr. Steven Freeland.pdf](#)
5. [Guideline to eLearning@UiTMLaw & Penganjuran Webinar Pemantapan PdP ODL.pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pelaksanaan strategi pendekatan dan perluasan yang dilaksanakan oleh barisan kepimpinan kanan UiTMLaw adalah digerakkan dengan **strategi integrasi menyeluruh**. **Strategi integrasi merentas portfolio** 3 timbalan dekan, program dan unit adalah pelan pelaksanaan segerak yang menyaksikan Hal Ehwal Akademik, Hal Ehwal Pelajar, Penyelidikan dan Jaringan Industri berpadu tenaga melaksanakan bidang tumpuan yang dirancang. **Integrasi segerak** juga dilihat di antara staf pentadbiran, pensyarah dan pelajar bagi mendokong transformasi UiTMLaw dalam mencapai matlamat **High Quality Students Through Academic Excellence, Global Prominence and Holistic Learning**. Inspirasi strategi integrasi menyeluruh ini juga diterapkan di kalangan para pelajar apabila mereka bekerja dalam pasukan merentas kelab-kelab dalaman UiTMLaw dan universiti dalam dan luar negara. Pelaksanaan strategi ini dilihat bukan sahaja dapat menggerakkan warga fakulti untuk melaksanakan pelan tindakan yang dirancang, tetapi juga menghasilkan program yang berimpak tinggi dengan menerapkan penglibatan rakan kolaborasi selari dengan *Model Quadruple Helix*.

Dalam memastikan integrasi pelaksanaan pelan tindakan UiTMLaw yang berimpak tinggi terutama ketika pandemik Covid-19, inovasi dan kreativiti dalam melaksanakan strategi dengan lebih tangkas dan berkesan adalah penting. Dalam hal ini, pelbagai inovasi dijalankan dalam menavigasi pendidikan undang-undang termasuk inovasi dari segi penyediaan kualiti pendidikan yang berteraskan industri (industry-driven) seperti inovasi program advokasi pelajar yang dapat melihat strategi integrasi menyeluruh dijayakan.

Selain itu, dalam usaha untuk menyokong pembangunan pelajar, kepimpinan UiTMLaw sentiasa berusaha untuk meningkatkan semangat pelajar dengan menghargai usaha dan pencapaian mereka dalam bidang akademik dan ko-kurikulum. Oleh yang demikian, fakulti telah menghasilkan inovasi berorientasikan sokongan terhadap pelajar yang dikenali sebagai **UiTMLaw Virtual Students Excellence Award** bagi meraikan kecemerlangan pelajar di dalam bidang akademik dan kokurikulum pada tahun 2020. Bertujuan untuk menghasilkan graduan yang holistik, program ini telah memberi pendedahan kemahiran teknologi digital, kepemimpinan, komunikasi, *event management* dan kerja berpasukan kepada pelajar menerusi sinergi di antara pensyarah dan persatuan Law Society UiTMLaw yang menyaksikan strategi integrasi segerak dilaksanakan. Program ini mendapat sambutan dan maklum balas baik daripada pelajar, ibubapa dan pensyarah. Sokongan terhadap pembangunan pelajar ini diiktiraf apabila UiTMLaw memenangi kategori **Outstanding Support for Students Times Higher Education (THE) Awards UiTM 2021** serta mewakili UiTM ke peringkat THE Asia.

SENARAI BUKTI :

1. [Surat Penghargaan THE Awards 2021-FUU.pdf](#)
2. [Tangkap Layar THE Award UiTM 2021.pdf](#)
3. [UiTMLaw Career Path Series - Newsletter Issue 2 2020 - Triumph The New Normal-17.pdf](#)
4. [UiTMLaw Experts Webinar with the Industry.pdf](#)
5. [C19-eLearn@UiTMLaw Task Force with Diverse Members.pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Tahun 2020 adalah tahun yang penuh cabaran untuk UiTMLaw dalam melaksanakan misi ke arah kecemerlangan pelajarannya. Penghujung tahun 2019, UiTMLaw telah siap siaga menyediakan **Strategic Action Plan 2020** yang komprehensif dan inklusif hasil dari perbincangan dan komunikasi berkesan antara pihak Pengurusan, para pensyarah, wakil pelajar serta keterlibatan Alumni UiTMLaw yang sentiasa sudi menyumbang bakti kepada *alma mater* bagi mencapai matlamat, misi dan visi UiTM sebagai sebuah Universiti Tersohor menurut **Pelan Strategik UiTM 2016-2020**, dan sebagai Universiti Terkemuka Dunia menjelang 2025 (Pelan Strategik UiTM2025). (Rujuk **Infografik 1**)

UiTMLaw telah berjaya menyediakan buku **Strategic Planning FUU (2016-2020)** untuk merangka sasaran dan pelan perancangan jangka panjang lima tahun Fakulti. UiTMLaw juga telah menyediakan pelan jangka pendek bagi tahun 2020 untuk mencapai sasaran yang diamanahkan, khususnya, untuk kecemerlangan pelajarannya.

Pada 2020, UiTMLaw telah diberi mandat untuk memenuhi 72 sasaran Petunjuk Prestasi (PI). Memfokus kepada pemerksaan pelajar, **Menyerlahkan Potensi Membentuk Masa Depan** adalah *tagline* yang bertepatan dengan misi UiTMLaw dalam merangka aktiviti pelajarannya. Objektif keempat UiTM2025 adalah untuk menghasilkan graduan seimbang yang berciri keusahawanan yang mampu bersaing di peringkat global. Ini bertepatan dengan sasaran mencapai **High Quality Students through Academic Excellence, Global Prominent and Holistic Learning**. Misi ini memerlukan kerjasama erat dan sinergi dari berbagai aspek untuk membentuk pelajar yang cemerlang dan berjiwa kental dengan ketampakan di peringkat lokal dan antarabangsa.

Fokus pemerksaan pelajar yang dirancang di UiTMLaw bertumpu kepada tujuh (7) aspek pembangunan pelajar yang utama iaitu Kepimpinan, Kemahiran Komunikasi, Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah, Kerja Berpasukan, Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Informasi, Keusahawanan serta Etika dan Keprofesionalan. Aktiviti yang di rancang dijalankan mengikut jadual perancangan **Strategic Action Plan 2020** Fakulti dan mendapat komitmen penuh semua pihak yang terlibat. Walau bagaimanapun, menjelang Mac 2020, arahan PKP dari Kerajaan Malaysia memaksa UiTMLaw mengambil langkah drastik untuk melakukan intervensi dan merancang semula aktiviti bersesuaian dengan kekangan semasa ketika itu.

Bagi memenuhi keperluan ini, UiTMLaw telah membuat intervensi berimpak bertemakan **Memansuaikan Pendidikan** seiring dengan tema strategik UiTM2025. Walaupun program yang dirancang diteruskan dengan penambahbaikan yang bersesuaian, intervensi telah dilaksanakan dengan memfokus kepada aspek Kebajikan dan Kesejahteraan yang memberi sokongan dari aspek data internet, penginapan, bantuan kewangan serta sokongan mental dan fizikal kepada para pelajar yang terkesan akibat dari pandemik.

Komunikasi berkesan di antara pihak pengurusan UiTMLaw dan warganya, pelajar dan Alumni menjadikan tugas mencapai sasaran yang diamanahkan kepada UiTMLaw berjaya dengan cemerlang. Peralihan yang lancar dan efektif dari program bersemuka ke program atas talian memperlihatkan UiTMLaw mengatur semula strategi antaranya; menukar program dan aktiviti fizikal yang dirancang kepada program atas talian, menjalankan rundingan dan perbincangan semula dengan pihak yang berkolaborasi bagi membolehkan sinergi dan perpindahan ilmu berlaku walaupun dalam alam maya disamping memberi pendekatan inovatif agar aktiviti pelajar bersifat interaktif dan hasil aktiviti atas talian sama seperti pertemuan fizikal.

Keberkesanan aktiviti pelajar dipantau melalui soal selidik kepuasan pelanggan supaya penambahbaikan dapat diperkenalkan sekiranya program sedemikian rupa dijalankan. Hasil kerjasama dan sinergi ke semua pihak telah memungkinan UiTMLaw mencapai peratusan sasaran yang cemerlang iaitu sebanyak 82% pada tahun 2020. Satu kejayaan yang besar bagi

Sebuah rumah yang kecil.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Asas kepada **Perancangan Strategik UiTMLaw 2016-2020** adalah Realistik, Kebolehlaksanaan (*Feasibility*), Kebolehjayaan (*Viability*) dan Hemat Biaya (*Cost Effective*). Atas asas ini, objektif dan inisiatif pemerkasaan pelajar yang dirancang adalah bertumpu kepada tujuh (7) aspek pembangunan pelajar yang utama iaitu Kepimpinan, Kemahiran Komunikasi, Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah, Kerja Berpasukan, Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Informasi, Keusahawanan serta Etika dan Keprofesionalan. Objektif ini diperkukuhkan dengan penekanan sasaran yang dinyatakan di **Infografik 2** iaitu **High Quality Students through Academic Excellence, Global Prominent and Holistic Learning** yang merangkumi tiga (3) aspek utama seperti berikut

1. *High Quality, High Employability*
2. *Global Prominent, Global Presence*
3. *Holistic Learning, Holistic Students*

Bermula Mac 2020, tambahan tumpuan terhadap pelajar adalah kepada aspek Kebajikan dan Kesejahteraan pelajar yang memberi sokongan dari aspek data internet, penginapan, bantuan kewangan serta sokongan mental dan fizikal kepada para pelajar yang terkesan akibat dari pandemik.

Pelbagai aktiviti yang dirancang dan diluluskan untuk memenuhi aspirasi UiTMLaw dan UiTM, seperti yang dilihat dalam **Infografik 3**.

Program melibatkan pelajar di UiTMLaw bukan sahaja pelbagai malahan berimpak tinggi. Aktiviti pelajar yang dirancang dapat memenuhi pelbagai petunjuk prestasi (PI) yang diperturunkan oleh pengurusan tertinggi UiTM kepada UiTMLaw. **Infografik 4, 5 dan 6** adalah contoh dimana program yang dianjurkan UiTMLaw mensasar kepada memenuhi pelbagai Petunjuk Prestasi yang diperturunkan.

SENARAI BUKTI:

1. [Isi dan Infografik \(Kriteria 2\).pdf](#)
2. [Buku Strategic Planning FUU \(2016-2020\)-compressed.pdf](#)
3. [FUU Strategik Action Plan \(SAP2020\).pdf](#)
4. [PELAPORAN PROGRAM PELAJAR FAKULTI UNDANG-UNDANG .pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

RMK-11 UiTM 2016-2020 merupakan garis panduan hala tuju strategik UiTM untuk tempoh masa lima (5) tahun (2016-2020) sebagai kesinambungan Rancangan Malaysia yang terdahulu. Ianya berperanan untuk merancang dan melaksana strategik bagi membolehkan UiTM menjadi lebih cemerlang dan meletakkan UiTM di peta dunia. Berdasarkan *Pelan Strategik UiTM2025*, matlamat strategik UiTM adalah untuk menjadi Universiti Terkemuka Dunia menjelang 2025.

Dokumen-dokumen ini merupakan sumber rujukan utama UiTMLaw dalam membentuk hala tuju strategiknya. UiTMLaw diberi mandat memenuhi 72 sasaran Petunjuk Prestasi (PI) yang diamanahkan pada tahun 2020.

Dalam RMK-11, pembangunan pelajar diterapkan dalam Teras 3 yang mendukung untuk meningkatkan pembangunan *Modal Insan untuk Negara Maju*. Ini juga sejajar dengan agenda utama universiti untuk melahirkan *Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang*. Untuk memenuhi aspirasi ini, UiTMLaw telah menekankan strategi kerjasama antara peneraju yang bertanggungjawab di bawah naungannya.

Aktiviti pelajar yang diketuai oleh Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar tidak dapat berjalan lancar tanpa penyertaan dan input dari bahagian Hal Ehwal Akademik dan sokongan peneraju Alumni dan Jaringan Industri. Oleh itu, aktiviti pelajar didokong oleh tiga tunggak utama UiTMLaw iaitu bahagian Hal Ehwal Pelajar, Hal Ehwal Akademik dan cabang Alumni dan Jaringan Industri.

Sinergi ini menghasilkan program yang menyeluruh dalam memperkasakan pelajar di bawah naungan UiTMLaw. Aktiviti serampang 3 mata ini dapat dilihat melalui pelaksanaan Projek SULAM UiTMLaw 2020, sebagai contoh, Projek **Covid-19: Terbelenggu dengan Keganasan Rumahtangga?**

Dalam Projek ini, dapat dilihat bahawa selain daripada dapat memenuhi kriteria pencapaian akademik pelajar, ia juga mengukuhkan jalinan kerjasama antara UiTMLaw dan alumni yang meransang perkongsian dan perpindahan ilmu di samping mengasah bakat kepimpinan dan komunikasi pelajar. Kebajikan kepada komuniti juga diperolehi hasil dari perkongsian ilmu. Program ini sahaja dapat memenuhi beberapa sasaran Petunjuk Prestasi bukan sahaja di bawah peneraju Hal Ehwal Pelajar, tetapi juga menepai kriteria Petunjuk Prestasi di dalam urusan Hal Ehwal Akademik dan ICAN. (Rujuk **Infografik 5**)

Program **UiTMLaw Career Path Series: What's Out There** juga merupakan satu contoh lain yang menunjukkan sinergi antara 3 cabang utama UiTMLaw. (Rujuk **Infografik 6**)

Program yang memfokus kepada Pengantarabangsaan yang dijalankan oleh pelajar dibawah naungan dan seliaan UiTMLaw adalah hasil usaha MOU-MOA yang ditinta bersama rakan sejawat antarabangsa yang memungkinan aktiviti berasaskan kepimpinan dan kemahiran komunikasi di peringkat antarabangsa bagi melahirkan graduan yang kental dan dikenali diperingkat antarabangsa. Ini secara tidak langsung meningkatkan ketampakkan dan kebolehpasaran pelajar UiTMLaw di peringkat antarabangsa, mahu pun kebangsaan. Contoh Program yang dijalankan adalah **ALSA International Collaboration Forum: From Pandemic to Diverse Possibilities**. (Rujuk **Infografik 7**). Ini seiring dengan objektif kedua *Perancangan Strategik UiTM2025* iaitu menyediakan pendidikan bertaraf dunia.

Daripada melihat pandemik Covid-19 sebagai sesuatu yang menghalang ke arah kecemerlangan pelajar, UiTMLaw telah melihat ini secara positif untuk menghasilkan yang terbaik untuk pelajar. Program pembangunan pelajar yang secara fizikalnya memerlukan kos kewangan yang tinggi telah dieksplotasi kepada sesuatu yang lebih baik kerana pertemuan secara maya membolehkan lebih ramai pelajar terlibat dan mendapat peluang dalam pencarian ilmu di peringkat dalaman mahupun antarabangsa. Ini adalah matlamat yang diinginkan dalam

SENARAI BUKTI :

1. [PELAPORAN PROGRAM PELAJAR FAKULTI UNDANG-UNDANG .pdf](#)
- 2.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Sebarang program yang dirancang tidak akan memberi makna jika ia tidak dapat dilaksanakan dengan sebaiknya. Oleh yang demikian UiTMLaw memberi penekanan kepada urusan pemantauan bagi memastikan semua aktiviti berjalan lancar.

Pemantauan aktiviti pelajar berlaku pada **dua peringkat** iaitu pemantauan sendiri di peringkat Hal Ehwal Pelajar oleh Timbalan Hal Ehwal Pelajar selaku peneraju utama aktiviti pelajar. Di peringkat ini, TD HEP akan memantau program yang dilaksanakan dan memastikan pelaporan terkini di buat untuk mengenalpasti kekuatan dan kelemahan program disamping memantau sasaran PI yang telah dan belum dicapai oleh HEP. Peringkat kedua adalah pemantauan luaran oleh Bahagian Pengurusan Kanan dan pelaksanaan gerak kerja oleh PSTU Fakulti di bawah seliaan Dekan Fakulti. Di peringkat Pengurusan Kanan, pelaporan pencapaian sasaran prestasi dibuat secara berkala dan dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Fakulti dan pencapaian semasa PI akan dimuat naik di dalam sistem BTU. Untuk memastikan sasaran dicapai, semua Timbalan Dekan juga akan membuat pembentangan pelaporan bulanan untuk tujuan pemantauan. Ini dapat mengenal pasti sasaran yang sudah dicapai dan mengambil langkah proaktif bagi sasaran yang masih belum dipenuhi. PSTU juga telah membangunkan *sistem trekking* berkala bagi memastikan data yang tepat diperolehi untuk tujuan pelaporan dan mengelakkan *under reporting* dan *double counting*. Dengan ini, data yang tepat dan terkini dapat dibekalkan ke pihak BTU. (Rujuk **Infografik 8**)

SENARAI BUKTI:

1. [PELAPORAN PROGRAM PELAJAR FAKULTI UNDANG-UNDANG \(1\).pdf](#)
2. [Borang Maklumbalas & Kepuasan Pelajar Terhadap Aktiviti Kebajikan & Pembangunan Pelajar \(Responses\)\(2020\) \(1\).pdf](#)
3. [The Future Lawyer and the Law of the Future_ Insolvency Practitioners in a Changing World \(Responses\)\(2020\) \(1\) \(2\).pdf](#)
4. [Minit MPE 11Mac2020 \(1\).pdf](#)
5. [HBO-FUU SASARAN TREKKING 2020 \(Dec2020\) \(1\).pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pandemik Covid-19 sememangnya meletakkan semua warga UiTMLaw dalam keadaan keterpaksaan untuk mengharungi norma baru dalam pendidikan tertiar. Pengurusan Kanan Fakulti telah mengambil langkah proaktif melalui siri perbincangan dan mesyuarat untuk menyediakan garis panduan dan latihan kepada seluruh warga UiTMLaw sebagai persediaan memberikan pendidikan dan menjalani aktiviti secara atas talian. Aktiviti melibatkan pelajar dirombak dan disesuaikan mengikut keadaan semasa. Untuk itu, UiTMLaw perlu menganalisa risiko yang mungkin dihadapi yang boleh merencat dari tercapainya pelan dan inisiatif yang dirancang. Melalui pengurusan risiko, kemungkinan ini dikenalpasti. Antara risiko yang telah dijangkakan berhubung dengan hal ehwal pelajar adalah risiko ketiadaan data atau capaian internet yang akan secara tidak langsung menghalang UiTMLaw dari mencapai sasaran strategik yang telah diperturunkan. Untuk itu, pengurusan Hal Ehwal Pelajar telah memperkasakan aspek Kebajikan dan Kesejahteraan Pelajar. Melalui hubungan yang akrab dikalangan warga UiTMLaw dan Alumni, Program **#UiTMLawCARE** dan **#1:1Komputerriba Initiative** dilancarkan. Program ini berjaya menarik sumbangan sebanyak 25 buah komputer riba dan bantuan kewangan berjumlah RM8,000 bagi membantu menjaga kemaslahatan para pelajar UiTMLaw di mana penderma adalah dari kalangan para pensyarah dan alumni serta orang perseorangan.

Bagi pencapaian prestasi Fakulti secara keseluruhan, pantauan secara berkala dan konsisten oleh PSTU dengan seliaan terus oleh Dekan Fakulti membolehkan Fakulti mengenalpasti petunjuk prestasi yang manakah yang masih belum dicapai. Pelaporan dan kemaskini yang wajib dilakukan di dalam sistem CSPI/BTU membantu proses ini. Dengan merujuk kepada pencapaian semasa dibanding sasaran yang diperuntukkan, pihak yang bertanggungjawab akan sentiasa dalam keadaan siap siaga dan dapat mempertingkatkan usaha dan berinovasi bagi mencapai sasaran. Intervensi dijalankan dan program-program yang dirancang disesuaikan dengan keadaan semasa.

SENARAI BUKTI :

1. [PELAPORAN PROGRAM PELAJAR FAKULTI UNDANG-UNDANG \(2\).pdf](#)
2. [Laporan eRMS.pdf](#)
3. [Borang Maklumbalas & Kepuasan Pelajar Terhadap Aktiviti Kebajikan & Pembangunan Pelajar \(Responses\)\(2020\) \(2\).pdf](#)
4. [HBO-FUU SASARAN TREKKING 2020 \(Dec2020\) \(2\).pdf](#)

2.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Memang menjadi matlamat UiTMLaw menyediakan program terbaik bagi memperkasa dan membantu pelajarannya. Dapat dilihat program yang dirancang bukan sahaja berkepelbagaian, malahan memberi impak tidak ternilai kepada para pelajar. Pun begitu, ianya merupakan satu keperluan untuk sentiasa memperbaiki sebarang kelemahan yang ada untuk mencapai hasil yang lebih baik. Untuk itu, bagi tujuan penambahbaikan, pihak HEP UiTMLaw telah menggunakan **dua pendekatan**. Pertama, TD HEP bersama-sama ahli jawatankuasa tertinggi kelab-kelab yang terlibat akan mengadakan perbincangan pasca-aktiviti untuk menjalankan *post mortem* bagi mengenalpasti kelemahan dan perkara-perkara berbangkit yang perlu diambil kira. Disini perbincangan dua hala yang berkesan dapat mengeluarkan cadangan-cadangan yang membina untuk pelaksanaan program yang lebih baik di masa akan datang. Kedua, setiap program yang dilaksanakan akan dinilai dari segi keberkesanan dan tahap kepuasan pelajar di mana para pelajar terlibat diminta mengisi maklumbalas pelanggan. Hasil maklum balas ini dianalisa untuk tujuan penambahbaikan diprogram akan datang.

Sebagai contoh, akibat dari pandemik covid-19, UiTMLaw telah memperkasakan bantuan kebajikan kepada pelajarannya dengan melaksanakan **Program #UiTMLawCARE** dan **#1:1Komputerriba Initiative**. Bagi memastikan maklumat bantuan ini sampai kepada pelajar yang memerlukan, pihak HEP dengan kerjasama kelab-kelab pelajar telah menggunakan pelbagai cara untuk menyebarkan maklumat melalui *google form*. Pendekatan lebih baik digunakan untuk menyebarkan maklumat di kalangan pelajar. Terdapat standard operating procedure (SOP) yang dibangunkan oleh TD HEP untuk memastikan pelajar yang layak sahaja menerima bantuan di mana kriteria asas penerima bantuan haruslah mereka yang berada dalam golongan B40 dan tidak mendapat tajaan mana-mana pihak. Untuk memastikan pilihan adalah telus dan tepat, pemohon dari kalangan pelajar juga perlu menjalani temuduga.

SENARAI BUKTI :

1. [Laporan eRMS \(1\).pdf](#)
2. [PELAPORAN PROGRAM PELAJAR FAKULTI UNDANG-UNDANG \(3\).pdf](#)
3. [Borang Maklumbalas & Kepuasan Pelajar Terhadap Aktiviti Kebajikan & Pembangunan Pelajar \(Responses\)\(2020\) \(3\).pdf](#)
4. [The Future Lawyer and the Law of the Future_ Insolvency Practitioners in a Changing World \(Responses\)\(2020\) \(1\) \(3\).pdf](#)
5. [LAPORAN BANTUAN KEBAJIKAN PELAJAR FAKULTI UNDANG UNDANG \(2020-2021\) \(2\).pdf](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pihak Kepimpinan Kanan banyak membantu warga UiTMLaw dan para pelajarnya dalam merancang strategi bagi memastikan program yang dirancang dilaksanakan dengan lancar dan teratur bagi mencapai objektif dan inisiatif strategik. Hubungan yang baik di antara Kepimpinan Kanan dengan para pensyarah dan para pelajar memudahkan kerjasama dijalankan. Bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti pelajar yang telah dirancang, TD HEP selaku ketua dan penasihat disokong kuat oleh seorang Pegawai Eksekutif dan seorang kerani. Sinergi yang baik dengan sembilan kelab-kelab dan persatuan pelajar dibawah UiTMLaw membolehkan mobilisasi informasi dan tenaga kerja diatur dengan baik untuk menggerakkan aktiviti yang dirancang. Penasihat-penasihat kelab dan Program yang merupakan pensyarah-pensyarah UiTMLaw yang sangat berwibawa dan komited memastikan setiap program yang dirancang berjalan lancar. Dalam kebanyakan waktu, sokongan dan tenaga juga disalurkan oleh peneraju Hal Ehwal Akademik dan Alumni dan Jaringan Industri. Dekan selaku penaung, sentiasa memberi tunjuk ajar, idea dan motivasi agar program yang dirancang berjalan lancar. Ini bermakna, setiap aktiviti yang dirancang akan melibatkan keseluruhan warga UiTMLaw secara langsung atau tidak.

Dengan kerjasama yang sangat baik ini, UiTMLaw menjadi lebih kreatif dan berinovasi untuk menghidupkan aktiviti pelajar. Usaha para pelajar dalam menangani cabaran Covid-19 dilihatkan perlu diberi pengiktirafan. Oleh yang demikian, pihak UiTMLaw telah mengambil peluang berinovasi dan menganjurkan UiTMLaw Students Excellence Award secara maya sebagai tanda penghargaan atas kejayaan para pelajar UiTMLaw dalam bidang akademik dan aktiviti ko-kurikulum. Program yang dijayakan dengan kerjasama para pensyarah dan pelajar mendedahkan pelajar kepada penggunaan pelbagai platform maya yang merupakan kemahiran yang diperolehi diluar bilik darjah. Program ini telah mendapat pengiktirafan apabila ia dinobatkan sebagai pemenang bagi kategori **Outstanding Support for Students** dalam majlis anugerah *Times Higher Education Awards (THE) UiTM2021*.

SENARAI BUKTI :

1. [Isi dan Infografik \(Kriteria 2\).pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTMLaw mengambil pendekatan yang holistik dalam merangka perancangan aktiviti dan program. Ini selari dengan falsafah UiTMLaw iaitu “High Quality Students Through Academic Excellence, Global Prominent & Holistic Learning.” Pelaksanaan strategi dan inisiatif yang memfokuskan kepada pengurusan dan pembangunan pelajar melibatkan pihak fakulti, pengurusan fakulti, pensyarah, alumni, rakan industry, staf pentadbiran dan juga para pelajar. Pemantauan penglibatan para pelajar dalam pelbagai program dan inisiatif kekal dilaksanakan meskipun dalam suasana pandemik COVID-19, dengan mengambilkira kepentingan kesihatan para pelajar sebagai pemegang taruh utama dan fokus utama UiTMLaw. Tindakan penambahbaikan bagi kriteria tumpuan kepada pelanggan ini melibatkan integrasi inisiatif yang inovatif dan berimpak tinggi dalam pengurusan dan pembangunan para pelajar.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Kumpulan sasar bagi bidang tumpuan pilihan (pengurusan dan pembangunan pelajar) ialah para pelajar UiTMLaw. Pendekatan (approach) pihak Pengurusan Kanan fakulti memberikan perhatian kepada pengurusan dan pembangunan pelajar menekankan pembangunan yang holistik, selaras dengan Teras Strategik Ketiga, Pelan Strategik Rancangan Malaysia Ke – 11 (2016 – 2020) Universiti Teknologi MARA iaitu “Meningkatkan Pembangunan Modal Insan untuk Negara Maju.” Ini dapat dilihat menerusi penganjuran aktiviti – aktiviti seperti mootng, program persediaan kepada para pelajar sebelum mereka menamatkan pengajian seperti finishing school yang dilaksanakan secara dalam talian ataupun webinar yang melibatkan para pelajar.

Menerusi program – program yang telah dijalankan, engagement dapat berlaku kerana aktiviti seperti mootng memberikan peluang untuk para pelajar terlibat dengan pelbagai pihak, baik dari dalam fakulti / UiTM dan juga dari luar UiTM. Pihak luar UiTM termasuk para hakim yang menghadiri program tersebut yang terdiri dari para peguam dan hakim. Aktiviti mootng ini juga memberikan ruang kepada penglibatan setara bagi semua pelajar (inclusivity) memberikan kesempatan untuk para pelajar mengambil bahagian dengan memberikan kesamarataan dari segala aspek.

Komunikasi (communication) berjalan dan dipraktikkan menerusi pelaksanaan program ini yang mengasah bakat dan keupayaan para pelajar untuk berkomunikasi dengan lebih baik dan cemerlang bagi tujuan meningkatkan kebolehpasaran mereka di peringkat lepasan pengajian. Pihak pengurusan fakulti sentiasa menekankan aspek akauntabiliti (accountability) bagi setiap tanggungjawab yang diambil oleh semua pihak yang terlibat dalam aktiviti – aktiviti yang diadakan.

Pihak pengurusan fakulti menerapkan sikap integriti (integrity) dalam tindakan yang diambil. Para pensyarah dan para pelajar diberikan peluang (empowerment) oleh UiTMLaw untuk mengambil bahagian menerusi penganjuran program, penyertaan dalam program tersebut baik di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Dari sini, dapat dilihat bahawa aktiviti pengurusan dan pembangunan para pelajar dijalankan menerusi prinsip atau kaedah delegasi (delegation), yang memberi peluang kepada pelbagai pihak di pelbagai peringkat fakulti untuk terlibat dalam meningkatkan kecekapan dan ketrampilan para pelajar UiTMLaw, selaras dengan visi UiTM, iaitu untuk “Menjadikan UiTM sebuah universiti unggul yang berteraskan keserjanaan dan kecemerlangan akademik bagi menerajui dinamisme bumiputera dalam semua bidang profesional bertaraf dunia supaya terlahir graduan yang berdaya saing, global dan beretika.”

Dari aspek pengurusan risiko (risk management), pengurusan program – program yang dianjurkan mengambil kira risiko kesihatan para pelajar dalam situasi pandemik COVID-19 ini dan mengambil pendekatan penganjuran dan penyertaan program dalam bentuk dalam talian.

SENARAI BUKTI:

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bagi tujuan perluasan (deployment), data pelanggan atau maklumat para pelajar telah diperoleh oleh pihak fakulti sebelum program berlangsung. Bagi aktiviti pelajar seperti mootng, maklumat berkenaan para pelajar yang terlibat telah diperoleh dan disimpan oleh pihak fakulti. Aktiviti seperti webinar yang dianjurkan akan melibatkan pendaftaran para peserta dilakukan secara dalam talian dan maklumat yang diperoleh menerusi pendaftaran ini akan disimpan oleh pihak fakulti secara digital. Penglibatan (engagement) di antara pihak fakulti dan para pelajar dapat dilihat menerusi pengumpulan maklumat yang dilakukan secara sistematik menerusi platform yang bersesuaian, selaras dengan penganjuran program. Penglibatan yang menyeluruh (inclusivity) berlaku menerusi pengumpulan data melibatkan semua pihak yang terlibat dan hadir dalam program yang telah pun dianjurkan.

Komunikasi (communication) mengambil berat keperluan para pelajar menerusi ruang untuk menyertai program terbabit dan juga ruang soal jawab yang memberikan peluang kepada para pelajar untuk memberikan pandangan serta menyuarakan pendapat mereka berkenaan keperluan mereka. Aspek perluasan ini juga menekankan akauntabiliti (accountability) bagi semua yang terbabit dalam pengurusan dan pembangunan pelajar, menerusi peranan yang perlu dimainkan oleh pihak penganjur, bagi memastikan pelajar yang disasarkan untuk hadir ke program tersebut dapat menimba manfaat sewajarnya dalam program yang telah dianjurkan. Pihak fakulti juga mengambil berat berkenaan integriti (integrity) program yang dianjurkan, dengan meletakkan sasaran penglibatan penceramah yang mempunyai pengalaman luas dan kredibiliti tinggi. Dengan penglibatan penceramah yang berkaliber ini, para pelajar lebih cenderung dan lebih bermotivasi untuk melibatkan diri dalam program tersebut.

SENARAI BUKTI :

1. [bukti 'alternative career path'.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Semua aktiviti pelajar yang dirancang memerlukan proses pemantauan yang berkesan agar dapat berjalan lancar dan memberi kesan kepada para pelajar. Semasa pandemik ini, pihak Fakulti telah mengeluarkan garis panduan ketika menghadapi sesi Open Distance Learning (ODL) yang disediakan oleh UiTMLaw Taskforce for Covid-19 bagi memberi panduan kepada para pelajar dalam aktiviti perkuliahan dan aktiviti pelajar secara online. Menerusi tema pengurusan dan pembangunan pelajar, satu pelan pemantauan telah dirangka bagi memastikan penglibatan pelajar dapat dimanfaatkan sepenuhnya dan dengan secara wajar.

Pelan Pemantauan adalah seperti berikut:

1. Merekodkan kehadiran pelajar dan menganalisa peratusan pelajar yang hadir. [Lampiran dokumen - Evaluation Form_ UiTMLaw Industry – Mentorship Program “Inspiring Future Leaders” (Responses) (4)]
2. Memastikan Penasihat Persatuan dapat memberi nasihat, panduan, tunjuk ajar mengenai perancangan, perjalanan dan permasalahan melibatkan aktiviti pelajar. Penasihat Persatuan digalakkan menghadiri program bersama pelajar walaupun secara online. [lampiran dokumen - Surat Pelantikan Mooting]
- 3, Mesyuarat ‘post mortem’ diadakan di antara penasihat persatuan dan ahli jawatankuasa bagi mengenalpasti permasalahan yang timbul dapat di atasi pada program selanjutnya. [lampiran dokumen - LAPORAN MAKLUMBALAS LATIHAN INDUSTRI SESI OK 2020 - FEB 2021]
4. Menganalisis maklum balas setiap pelajar selepas borang maklum balas diterima. Memandangkan kebanyakan program pelajar berlangsung secara online, komen dan maklum balas mereka direkodkan. [Lampiran Bukti - Laporan Maklum Balas Program ‘Shopping Spree’]
5. Memastikan laporan aktiviti dihantar selepas tamat program. [Lampiran Bukti - FORMAL REPORT UITMLAW LEGALPRENEURSHIP WEEK]

SENARAI BUKTI:

1. [Lampiran Evaluation Form_ UiTMLaw Industry – Mentorship Program “Inspiring Future Leaders” \(Responses\) \(4\) \(1\).pdf](#)
2. [Surat Pelantikan Mooting.pdf](#)
3. [LAPORAN MAKLUMBALAS LATIHAN INDUSTRI SESI OK 2020 - FEB 2021 \(1\).pdf](#)
4. [Laporan Maklum Balas Program ‘Shopping Spree’.pdf](#)
5. [FORMAL REPORT UITMLAW LEGALPRENEURSHIP WEEK.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko merupakan aspek terpenting dalam mengenalpasti isu-isu dan masalah yang timbul di dalam mengendalikan aktiviti pelajar. Selaku pelanggan utama, isu-isu berkaitan risiko terutamanya semasa pandemik Covid-19 penting dalam memastikan penglibatan pelajar dapat dioptimumkan bagi kebaikan bersama. Di antara isu-isu berkenaan ialah:

1. Isu Pelajar tidak mendapat maklumat berkaitan program aktiviti pelajar. Ini seringkali berlaku kerana para pelajar tidak bersemuka secara berhadapan dengan rakan-rakan dan pensyarah semasa pandemik. Sebaliknya, pembelajaran secara Open Distance Learning (ODL) menjadi norma baru masa kini. [Lampiran Bukti - Student Development Talk]

2. Ketidakhadiran pelajar. Pembelajaran secara ODL terutamanya bersifat asynchronous menyebabkan ketidakhadiran pelajar menjadi satu isu. Ini juga ditambah dengan isu pengurusan masa dan kes-kes di mana kesihatan mental pelajar menjadi isu utama disebabkan terlalu lama berada dalam situasi online. [Lampiran Bukti - SENARAI NAMA PESERTA PROGRAM BUDDY MENTORING PROGRAMME (1)]

3 Isu pelaporan aktiviti pelajar. Disebabkan oleh pembelajaran secara ODL, pelaporan pelajar menjadi lambat dan perlu diingatkan selalu agar laporan tepat pada masa diberikan. [Lampiran Bukti - Formal Report UiTMLaw Legalpreneurship Week]

SENARAI BUKTI :

1. [bukti 'student development talk'.pdf](#)
2. [SENARAI NAMA PESERTA PROGRAM BUDDY MENTORING PROGRAMME \(1\) \(1\).pdf](#)
3. [FORMAL REPORT UiTMLAW LEGALPRENEURSHIP WEEK.pdf](#)

3.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Tindakan penambahbaikan dan mengkaji semula adalah amat penting dalam memastikan isu-isu berkaitan penilaian risiko dapat dikenalpasti dan diselesaikan dengan lebih baik. Berikut adalah cadangan-cadangan bagi tindakan penambahbaikan dilakukan dalam melaksanakan aktiviti melibatkan Pelajar iaitu:

1. Mempelbagaikan medium penyampaian. Medium penyampaian ketika musim ODL lebih bertumpukan kepada media sosial Bahagian Hal Ehwal Pelajar, persatuan pelajar serta poster yang disebarluaskan di dalam Whatsapp para Pelajar. [Lampiran Bukti - kriteria 3 students club and organisation training]
2. Kehadiran menggunakan medium pendaftaran automatik. Kehadiran di dalam program akan direkodkan di dalam Easy Attendance dan sekiranya diperlukan, pengeluaran Sijil secara automatik akan dikeluarkan apabila Pelajar mengisi borang maklum balas apabila tamat program. [Lampiran dokumen - Evaluation Form_ UiTMLaw Industry – Mentorship Program “Inspiring Future Leaders” (Responses) (4)]
3. Penghantaran laporan aktiviti dibenarkan di buat selewat-lewatnya dua minggu selepas tamat program dan dibenarkan dihantar secara online. [Lampiran Bukti - Formal Report UiTMLAW Legalpreneurship]

SENARAI BUKTI :

1. [kriteria 3 students club and organisation training.pdf](#)
2. [Lampiran Evaluation Form_ UiTMLaw Industry – Mentorship Program “Inspiring Future Leaders” \(Responses\) \(4\).pdf](#)
3. [FORMAL REPORT UiTMLAW LEGALPRENEURSHIP WEEK.pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Tindakan yang diambil oleh pihak fakulti merupakan tindakan yang amat berkesan. Maklumbalas yang diperolehi dari para pelajar yang menyertai program dan aktiviti – aktiviti yang dianjurkan telah memberikan input yang amat berguna kepada pihak fakulti, dan telah diintegrasikan menerusi inovasi iaitu penghasilan dokumen panduan Guidelines to E-Learning (mohon rujuk bukti ‘guide to eLearning’ dan ‘UiTMLaw Guidelines to E-Learning’). Ini amat bersesuaian dengan aspirasi pengurusan dan pembangunan pelajar berlandaskan falsafah “High Quality Students Through Academic Excellence, Global Prominent and Holistic Learning.” UiTMLaw sentiasa konsisten dengan usaha UiTM ke arah pengurusan dan pembangunan pelajar yang seiring dengan inisiatif UiTM, dengan langkah komunikasi menerusi platform media rasmi UiTMLaw (mohon rujuk bukti kriteria 3 ‘communication’) yang telah berjaya membantu memperoleh data yang diperlukan bagi kecemerlangan pengajian para pelajar.

SENARAI BUKTI :

1. [UiTMLaw Guidelines to eLearning Mac 2020 v1-compressed \(1\).pdf](#)
2. [kriteria 3 communication.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pencapaian UiTMLaw dalam memacu kecemerlangan pengurusan dan pembangunan pelajar perlulah mempunyai kayu ukur, nilai yang dapat dianalisis, dan dapatan-dapatan yang perlu diurus dan diterjemah sebaik mungkin. Bagi memenuhi keperluan keperluan diatas, tanda aras harus dikenalpasti bagi tujuan mengukur keberkesanan pelaksanaan pengurusan dan pembangunan pelajar. Dengan memberikan fokus kepada aspek pelajar, kecemerlangan pelajar diukur berasaskan kualiti akademik yang tinggi dan kecemerlangan, keberadaan mereka di peringkat global, dan pembentukan nilai yang holistik dan menyeluruh. Setelah ketiga tiga nilai ambang ini dikenal pasti, maka pelaksanaan program-program yang dirancang haruslah sedaya upaya memenuhi kehendak kayu ukur tersebut di dalam kaedah dan aspek pelaksanaan sesuatu program. Dapatan-dapatan yang bersesuaian harus dikumpul dan dianalisis selepas tamat program bagi tujuan penambahbaikan. Proses penambahbaikan ini haruslah memenuhi kriteria-kriteria seperti pemantauan berterusan, mengenal pasti risiko dan mengkaji semula tindakan bagi tujuan islah. Di samping itu, data tersebut turut digunakan sebagai asas untuk tujuan kolaborasi pada masa akan datang serta memberi penghargaan kepada pelanggan, fakulti, pelajar dan pensyarah.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTMLaw menitikberatkan perancangan rapi dalam melaksanakan agenda-agenda yang telah disusun bagi menepati Rancangan Malaysia ke-11 dan Pelan Strategik Fakulti Undang-Undang 2016-2020. Dengan berasaskan Pelan Strategik Fakulti Undang-Undang seperti Kebolehlaksanaan (*Feasibility*), Kebolehjayaan (*Viability*), dan Hemat Biaya (*Cost Effective*), program-program yang dirancang mestilah diukur dan dianalisis mengikut penanda aras ini sebagai kayu ukur kejayaan. Selaras dengan Pelan Strategik UiTM 2025 yang bertemakan Universiti Terkemuka diperingkat Antarabangsa, UiTMLaw telah mengetengahkan beberapa tema dalam mengukur pencapaian pengurusan dan pembangunan pelajar.

Pengukuran pencapaian pertama adalah dari perspektif pelajar berkualiti tinggi yang menghasilkan kebolehpasaran graduan yang tinggi. Adalah menjadi aspirasi UiTMLaw untuk melahirkan graduan undang-undang yang berpotensi bukan sahaja diperingkat nasional, malah diperingkat antarabangsa. Melalui pendekatan pertama ini, UiTMLaw sering menjemput pihak industri untuk berkongsi dapatan-dapatan kepada bukan sahaja kepada pihak pensyarah, malah terus kepada pelajar. Dengan itu, pelajar-pelajar UiTMLaw sentiasa didedahkan kepada perkembangan semasa dan ia diterjemahkan dengan data kadar kebolehpasaran graduan UiTMLaw yang tinggi.

Pengukuran pencapaian kedua adalah daripada sudut keberadaan pelajar yang menyerlah di peringkat global. Kayu ukur ini adalah sejajar dengan Pelan Strategik UiTM 2025 yang mensasarkan UiTM menjadi Universiti Terkemuka diperingkat Antarabangsa. Keberadaan pelajar UiTMLaw di peringkat global adalah sangat ketara apabila jenama UiTMLaw sering diangkat sebagai institusi yang menghasilkan orator berkualiti tinggi di dalam pertandingan Mahkamah Mut diperingkat antarabangsa. Atas faktor pertandingan Mahkamah Mut yang akan diadakan saban tahun, prestasi pelajar dapat diukur, dinilai, dan ditambahbaik secara berkala. Sehubungan itu, pencapaian pelajar di dalam memposisikan diri mereka di antara yang terbaik di dalam pertandingan bertaraf antarabangsa, adalah kayu ukur kedua kejayaan pencapaian.

Pengukuran pencapaian ketiga pula adalah daripada aspek pembelajaran menyeluruh yang menghasilkan pelajar yang bersifat holistik. UiTMLaw sedar bahawa pencapaian akademik semata-mata tidak menjanjikan graduan dan pelajar yang mampu berdaya saing apabila mereka tamat pengajian. Kemahiran berkomunikasi, bersosial, dan berorganisasi yang diapit kecemerlangan akademik adalah formula ampuh dalam mempersiapkan pelajar bagi mengharungi kehidupan yang serba mencabar. Memahami kepentingan ini, UiTMLaw komited dalam mempersiapkan pelajar dengan membimbing mereka secara holistik, khususnya interaksi pelajar dengan masyarakat. Oleh itu, kemampuan pelajar untuk menguasai bukan sekadar satu bidang adalah kayu ukur penting untuk menilai pencapaian pelajar.

SENARAI BUKTI:

1. [Kriteria 4 AKNC UiTMLaw.pdf](#)
2. [Rajah 4.1 - Asas Perancangan Strategik.pdf](#)
3. [Graf 4.1 - Kebolehpasaran Graduan \(GE\) 2020 Mengikut Fakulti.pdf](#)
4. [Gambar 4.1 - Gambar Pelajar Sarah Azahar memenangi anugerah Manuela Beltran Award for the Best Woman Advocate \(of the Global South\) FDI Moot 2020.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

UiTMLaw memastikan program-program yang dianjurkan serta disertai oleh pelajar-pelajar adalah bertujuan untuk memastikan ianya membantu dalam membentuk pelajar-pelajar cemerlang. Dalam usaha ini, setiap penglibatan dan penganjuran program akan disemak bahawa mereka adalah selaras dengan tiga kayu ukur utama yang digunakan oleh UiTMLaw dalam menilai tahap pencapaian seseorang pelajar, selain daripada pencapaian akademiknya.

Ini disemak melalui kertas-kertas kerja yang dihantar oleh pelajar UiTMLaw yang menganjurkan atau menyertai program tersebut. UiTMLaw, melalui penasihat-penasihat kelab-kelab dalaman UiTMLaw serta pihak pengurusan UiTMLaw, akan memastikan ianya selaras dengan tiga kayu ukur tersebut. UiTMLaw juga akan memberikan borang maklum balas dan kepuasan pelajar terhadap aktiviti kebajikan dan pembangunan pelajar. UiTMLaw mengutip dan menyemak data-data berkaitan bagi memastikan kualiti dan kecemerlangan pelajar terjamin bagi setiap semester.

Sebagai contoh, penyertaan pertandingan Mahkamah Mut. Pertandingan debat ala mahkamah ini melatih pelajar untuk bersedia melangkah ke gelanggang litigasi di mahkamah. Selain penganjuran *Moot Workshop 2020* yang melatih pelajar-pelajar UiTMLaw dalam seni penghujahan, pendebat mut terlatih akan mewakili UiTMLaw ke pertandingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa seperti pertandingan *Mooting Philip C Jessup International Law Moot Court Competition 2021* yang dianjurkan oleh ILSA di Washington, DC, Amerika Syarikat.

Dalam persiapan untuk menyertai pertandingan Mahkamah Mut tersebut, pendebat mut UiTMLaw akan menjalani latihan bersama jurulatih dan penasihat Kelab Mut UiTMLaw. Selain itu, sesi-sesi latihan tersebut turut dihadiri oleh alumni UiTMLaw yang aktif memberikan tips dan tunjuk ajar kepada peserta. Jelasnya, penglibatan alumni (*alumni engagement*) dalam melatih pelajar-pelajar UiTMLaw memberikan pendedahan yang menyeluruh kepada ilmu, skil dan keperluan industri, memastikan kelahiran pelajar holistik. Pengekalan hubungan akrab antara pelajar dan alumni turut menyumbang kepada kebolehpasaran pelajar yang tinggi dan berkualiti. Selain itu, pertandingan-pertandingan Mooting yang sering disertai oleh pelajar UiTMLaw acap kali di peringkat antarabangsa. Penyertaan dan kemenangan yang diraih turut melonjak martabat dan imej pelajar UiTMLaw di mata global, sekaligus membuktikan kualiti dan kemampuan pelajar-pelajar UiTMLaw.

Perlaksanaan program-program yang dianjurkan oleh UiTMLaw kebanyakannya disasarkan kepada keseluruhan warga UiTMLaw dan UiTM. Skop pelaksanaan program diperluaskan ke peringkat komuniti baik tempatan mahupun antarabangsa, badan kerajaan serta rakan jaringan industri. Walaupun pelajar menghadapi kesukaran menjalankan aktiviti, UiTMLaw tetap teguh meneroka kaedah alternatif dalam menjalankan variasi program dalam misi pembentukan pelajar.

SENARAI BUKTI :

1. [Rajah 4.2 - Tiga Kayu Ukur Pencapaian Pembangunan.pdf](#)
2. [Rajah 4.3 - Antara kaedah pengutipan data dan maklumat.pdf](#)
3. [Gambar 4.2 - Gambar Ahli Pasukan Jessup 2020 jalani latihan bersama alumni.pdf](#)
4. [Rajah 4.4 - Senarai Pertandingan Mahkamah Mut yang turut disertai UiTMLaw.pdf](#)
5. [Rajah 4.5 - Senarai antara program yang dianjurkan dan disertai UiTMLaw.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

UiTMLaw sentiasa memastikan aktiviti dan program yang disertai pelajar memenuhi dan mencapai aspirasi Pelan Strategik UiTM 2025 khususnya untuk melahirkan pelajar yang mempunyai kecemerlangan bakat (*Talent Excellence*). UiTMLaw percaya bahawa semua pelajar mempunyai bakat yang boleh diserlahkan dan ditonjolkan. Bakat yang terpendam ini dapat dipupuk sekiranya pelajar-pelajar yang berpotensi ini diberikan seliaan dan pantauan oleh pendidik yang berdedikasi. Bagi merealisasikan aspirasi ini, pemantauan dan seliaan kepada pelajar telah dilakukan dalam segenap aspek dan dibahagikan kepada tiga fasa.

Fasa pertama adalah pemantauan di peringkat awal. Di dalam fasa ini, pelajar telah didedahkan kepada proses awal seperti penyediaan kertas kerja serta mengadakan mesyuarat dalam mengenal pasti bidang dan tugas. Bagi melahirkan pelajar yang bersifat holistik, mereka dilatih untuk mencuba dan tidak takut melakukan kesalahan dalam persediaan program. Ini adalah kerana mereka sentiasa dibimbing dan dipantau sama ada dengan mengadakan perbincangan secara bersemuka atau berhubung secara maya. UiTMLaw juga mengambil peluang ini untuk menilai dan mengenalpasti potensi pelajar yang dapat digilap.

Fasa kedua adalah pemantauan persediaan dan ketika program berjalan. Bagi memastikan program pelajar ini berjalan dengan baik, seharusnya pemantauan dilakukan secara berkala agar hasil yang diinginkan dapat dicapai dan objektif berjaya dipenuhi. Mengambil contoh sebuah program yang dilaksanakan oleh pelaja-pelajar persatuan *Asian Law Student's Association (ALSA)*, mereka telah berjaya menganjurkan sebuah Webinar di peringkat antarabangsa yang melibatkan wakil pelajar undang-undang dari Indonesia dan Brunei bertajuk '*From Pandemic To Diversity Possibility*'. Program ini memerlukan kolaborasi antara negara, jesteru pemantauan adalah penting agar perhubungan antara negara ini kekal harmoni dan lancar. Pemantauan dan persediaan teknikal juga perlu dititikberatkan dan bimbingan.

Fasa terakhir yang tidak kurang pentingnya adalah fasa pemantauan selepas program dijalankan. Menginsafi bahawa setiap program itu tidak lari daripada kekurangan, proses muhasabah dan '*post-mortem*' penting bagi mengenal pasti ruangan yang dapat ditambah baik. Dapatan dari sesi ini harus dikongsi dan dianalisis agar program-program yang bakal diadakan pada masa hadapan dapat berjalan dengan lebih lancar. Medium bermuhasabah dapat dijalankan dalam beberapa bentuk seperti dengan mengemukakan borang maklum balas kepuasan pelanggan, melaporkan kelompangan yang berjaya dikenal pasti sepanjang program, juga dengan menjalankan kaji semula keberkesanan program untuk masa hadapan.

SENARAI BUKTI:

1. [Minit Mesyuarat MKSP Bil. 2-2020 UiTMLaw.pdf](#)
2. [IHL 2020 PROPOSAL V4.pdf](#)
3. [Memorandum Persefahaman bersama Universitas Gadjah Mada.pdf](#)
4. [ALSA Student Mobility Exchange Programme - From Pandemic to Diverse Possibilities.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

UiTMLaw memandang serius kepentingan mengenalpasti risiko dalam pengukuran analisis dan pengurusan pengetahuan. Bagi menentusahkan kesahihan maklumat yang diterima dalam mengukur tahap pencapaian pelajar, UiTMLaw akan menyemak dan membanding tara analisis maklumat yang diperolehi. UiTMLaw mengekalkan hubungan baik bersama pihak industri undang-undang dan mendapatkan maklumbalas majikan mengenai prestasi pelajar-pelajar UiTMLaw.

Pada tahun 2020, risiko utama yang dihadapi dalam usaha mendidik dan melatih pelajar UiTMLaw adalah penularan wabak pandemik Covid-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan. Pelajar dan staf UiTMLaw tidak dapat hadir ke fakulti dan ini menyulitkan pelaksanaan program-program pelajar dan kuliah akademik. Semua program dan kuliah dijalankan secara dalam talian. Namun demikian, terdapat pelajar-pelajar UiTMLaw yang tidak mempunyai perkakas elektronik yang sesuai dan tidak mempunyai akses internet yang baik. Kesukaran pelajar-pelajar untuk menghadiri kuliah dan program-program aktiviti pelajar secara dalam talian akan menyukarkan proses pengumpulan maklumat berkenaan dengan prestasi pelajar UiTMLaw.

Justeru, UiTMLaw telah memastikan kaedah penyampaian pembelajaran dan penilaian secara dalam talian dan jarak jauh dilaksanakan dengan kemas dan teratur.

UiTMLaw juga telah mengambil langkah pantas dalam menangani permasalahan yang dihadapi oleh pelajar yang kurang berkemampuan dan terkesan akibat daripada krisis Covid-19. Antara inisiatif kebajikan yang telah diambil oleh UiTMLaw.

UiTMLaw telah mengenalpasti kesan kekangan ODL kepada pelajar, terutamanya kepada pelajar semester-semester baru. Oleh itu, UiTMLaw mengambil inisiatif memulakan program *Buddy Mentoring Programme*, dimana pelajar Semester 1 yang tidak mempunyai asas pendidikan undang-undang akan diletakkan dibawah tunjuk ajar seorang Mentor daripada pelajar yang lebih senior bagi membantu transisi pelajar Semester 1 sewaktu ODL.

SENARAI BUKTI :

1. [PEMAKLUMAN PENTING PENSYARAH.pdf](#)
2. [Jadual 4.1 - Usaha kebajikan UiTMLaw membantu pelajar terkesan akibat krisis Covid-19.pdf](#)
3. [UiTMLaw Guidelines to eLearning- March-2020 \(Compressed\).pdf](#)

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pemantauan data dan hasil tindakan yang telah diambil oleh UiTMLaw akan memudahkan usaha penambahbaikan. Ini selaras dengan pengamalan budaya integriti (*integrity*) dan akauntabiliti (*accountability*) yang diterapkan UiTMLaw dalam setiap program dan usaha pemerkasaan (*empowerment*) pelajar. Data-data yang telah diperolehi daripada maklum balas pelajar dan pelanggan akan dibentangkan dan dibincangkan di mesyuarat pengurusan fakulti. UiTMLaw memandang berat kepada kepentingan pembangunan berterusan (*continual development*) dalam memastikan pelajar UiTMLaw bukan sahaja kekal berdaya saing di arena akademik, bahkan didedahkan kepada perkembangan terkini di industri guaman. Demi mencapai matlamat ini, UiTMLaw memastikan sebarang keresahan dan keperluan pelajar serta pelanggan menjadi asas perkembangan dan pembangunan pelajar fakulti.

Perbincangan bersama wakil pihak industri, seperti firma guaman, badan kerajaan, dan sektor korporat turut dianjurkan bagi mengesahkan cadangan dan penambahbaikan yang ingin dilakukan oleh pihak pengurusan. Pendekatan berasaskan keterangkuman (*inclusivity*) bersama pihak industri ini akan memastikan usaha UiTMLaw menambahbaik usaha pembangunan pelajar seiring dengan jangkaan dan keperluan industri. Ini dibuktikan dengan kadar kebolehpasaran graduan UiTMLaw yang tinggi di peringkat UiTM dan di sektor pekerjaan.

(Rujuk Graf 4.1)

UiTMLaw akan memastikan warga jabatan mengambil maklum akan hasil analisis data yang diperolehi dan tindakan yang akan diambil. Sebaran maklumat kepada semua warga jabatan UiTMLaw membolehkan seluruh tenaga kerja UiTMLaw dapat mengimplementasikan hasrat fakulti dan menerapkan hasil dapatan yang diperolehi ke dalam bidang tugas masing-masing. Ini jelas terbukti apabila UiTMLaw telah melaksanakan semakan kurikulum yang ketara dengan mengambil kira bidang perundangan yang giat diamalkan di industri, sekaligus memastikan graduan UiTMLaw berdaya saing dan digemari majikan. Semakan kurikulum ini dimaklumkan kepada semua warga jabatan agar staf akademik dan pentadbiran akan mempersiapkan diri sebelum pelaksanaan kurikulum baharu tersebut.

SENARAI BUKTI :

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Integrasi maklumat kepada amalan sedia ada harus digunakan untuk penambahbaikan berterusan dan inovasi dalam pengurusan dan pembangunan pelajar. Segala dapatan yang diperolehi daripada proses-proses sebelum ini harus dijadikan sebagai input yang dapat dimanfaatkan kembali kepada pemegang taruh di peringkat fakulti, universiti, dan pelanggan di tahap antarabangsa.

Di peringkat fakulti, program-program seumpama pertandingan Mahkamah Mut Antarabangsa dapat dimanfaatkan semula dalam pelbagai aspek. Keunikan pertandingan-pertandingan ini daripada aspek kandungan yang dibahaskan telah terbukti bermanfaat untuk diasimilasikan ke dalam mata pelajaran yang diajar kepada pelajar UiTMLaw semasa sesi semakan kurikulum diadakan. Subjek-subjek seperti Undang-Undang Perdagangan Antarabangsa, Undang-Undang Antarabangsa Awam, dan Undang-Undang Hak Asasi Manusia yang diajar kepada pelajar-pelajar telah disemak semula kandungannya agar perbincangannya merangkumi isu-isu terkini.

Di peringkat universiti, kejayaan pelajar dalam pertandingan Mahkamah Mut Antarabangsa telah melonjakkan nama UiTM di mata dunia. Input-input yang diambil daripada kejayaan ini turut diterjemah ke dalam bentuk *Massive Open Online Course*, khususnya bagi mata pelajaran Undang-Undang Awam Antarabangsa. Pemilihan topik yang segar dan semasa untuk subjek ini mampu memberikan dapatan dan input yang bermanfaat kepada orang awam yang berminat untuk mendalami topik perundangan di peringkat antarabangsa.

Di peringkat antarabangsa pula, perhubungan yang dijalin oleh pelajar UiTMLaw dan universiti dari luar negara, telah menjadi jambatan yang menghubungkan UiTMLaw dan dunia. Memorandum Persefahaman telah ditanda tangani oleh pihak UiTMLaw bersama beberapa universiti di Indonesia dan siri-siri syarahan jemputan telah diadakan. Tanda keakraban UiTMLaw dan universiti-universiti antarabangsa ini dapat dilihat di dalam siri Syarahan Bersama bertajuk '*Global Immersion Programme 2020*' yang disampaikan oleh Dekan UiTMLaw, Professor Madya Dr Hartini Saripan bersama Timbalan Dekan Fakultas Hukum, Universiti Padjadjaran, Dr Gusman Siswandi.

SENARAI BUKTI :

1. [Gambar - Pendebat Mut Menjalankan Post Mortem bersama jurulatih Prof Dr Irwin Ooi.pdf](#)
2. [Memorandum Persefahaman bersama Universitas Gadjah Mada.pdf](#)
3. [Global Immersion Program antara UiTMLaw dan Fakulti Undang-Undang, Universiti Padjadjaran.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pihak Pengurusan UiTMLaw merupakan nadi yang bertanggungjawab dalam pengurusan serta pembangunan sumber manusia. Sumber manusia merupakan modal dan aset terpenting organisasi yang dapat menentukan kejayaan sesebuah organisasi. Justeru, pelbagai usaha telah digerakkan agar staf, terutamanya para pensyarah sentiasa kompeten, berpengetahuan tinggi, berkemahiran dan mempunyai tingkahlaku yang positif. Hal ini menjadi kunci utama dalam membolehkan mereka menyumbang secara optima dalam mencapai visi, misi dan objektif organisasi, selaras dengan Pelan Tindakan Strategik (SAP) 2021 – UiTM2025

Tumpuan kepada pelajar merupakan tunggak utama penyempurnaan kerja di Fakulti Undang-Undang UiTM Shah Alam. Pihak UiTMLaw sentiasa berusaha memastikan segala perancangan yang melibatkan pelajar akan dilaksanakan dengan kaedah yang teratur, agar usaha untuk melahirkan graduan universiti yang unggul, berteraskan keserjanaan dan kecemerlangan akademik boleh dicapai. Ini penting dalam memastikan graduan UiTMLaw dapat menerajui dinamisme bumiputera yang mampu berdaya saing, bersifat global serta memiliki etika kerja yang tinggi. Bukan itu sahaja, agenda pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang berterusan, penyelidikan serta keterlibatan dalam khidmat masyarakat sentiasa dititik beratkan dengan harapan dapat membentuk graduan undang-undang yang holistik.

Produk akhir dari proses pengajaran dan pembelajaran ini adalah graduan, iaitu merujuk kepada pelajar yang telah tamat program. Produk sampingan yang lain termasuklah pelan pengajian, fail kursus dan bahan pengajaran, kertas soalan peperiksaan yang disediakan, tesis penyelidikan, serta hasil dari setiap proses pengajaran dan pembelajaran termasuklah laporan CDL/CQI, SuFO, PROPENS, laporan audit, penilaian sendiri, laporan pemeriksa luar dan keputusan peperiksaan.

Berikutan faktor pandemik COVID-19 yang melanda bermula awal tahun 2020, pengajian di UiTMLaw sepanjang tahun terpaksa diteruskan, tetapi menerusi kaedah pelaksanaan pembelajaran terbuka dan jarak jauh, ataupun lebih dikenali dengan *Open and Distance Learning (ODL)*. Oleh yang demikian, Fakulti telah memutuskan untuk melaksanakan mod penyampaian dan penilaian pembelajaran secara dalam talian dan secara jarak jauh. Pensyarah UiTMLaw adalah disarankan untuk menggunakan tempoh minggu pertama dan kedua kuliah dalam mengenal pasti masalah para pelajar, seterusnya membuat penyesuaian serta mencari kaedah serta platform pengajaran ODL yang terbaik dan paling berkesan. Pensyarah UiTMLaw diberi kebebasan untuk memilih sama ada menggunakan platform serentak (*synchronous*) atau secara bukan serentak (*asynchronous*) dalam pengajaran. Pemilihan ini dibuat berdasarkan kemampuan tahap akses pelajar masing-masing untuk melayari Internet dan perlu mendapat persetujuan dua pihak antara pensyarah dan juga pelajar.

Untuk tujuan pelaporan, pemantauan, serta audit, pensyarah UiTMLaw adakah dikehendaki menyimpan dan merekodkan segala bukti pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan. Ini termasuklah rekod kehadiran pelajar yang diambil menggunakan *Google Form Attendance*, tangkap layar platform yang digunakan untuk proses pengajaran, mengeksport komunikasi dengan pelajar di *Whatsapp/Telegram* serta komunikasi-komunikasi lain yang melibatkan pelajar. Bukti-bukti bahan pembelajaran seperti pelan pengajaran, rakaman video mahupun audio serta bahan pembelajaran yang berkaitan juga perlu disimpan untuk tujuan rekod.

UiTMLaw sepanjang tahun 2020 juga telah menyediakan mekanisma dalam proses mengukur dan memantau persepsi pelajar terhadap prestasi pengurusan UiTMLaw, mahupun terhadap para pensyarah itu sendiri. Pemantauan dan pengukuran kepuasan hati pelajar telah dilaksanakan berasaskan kajiselidik, aduan, maklum balas pelanggan, audit dalam dan kaji semula pengurusan.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pelbagai usaha telah dilaksanakan Pengurusan Tertinggi UiTMLaw dalam usaha melahirkan staf pentadbiran dan akademik yang berketerampilan. Pelan ini menjadi nadi utama ke arah menyempurnakan agenda melahirkan graduan undang-undang yang holistik. Sokongan semua pihak di fakulti adalah amat penting dalam memastikan rencana ini sentiasa berada di landasan yang tepat. Pada tahun 2020, staf yang menjalankan tugas berkaitan akademik adalah sejumlah lapan orang dan mereka dibantu staf pentadbiran lain sebanyak enam orang. Staf pentadbiran ini membantu staf akademik agar pengoperasian akademik, khususnya kepada pelajar dapat dijalankan dengan efektif. Jumlah staf yang menjalankan tugas berkaitan pentadbiran dan kemudahan infrastruktur serta fasiliti pula adalah seramai sembilan orang manakala staf yang menjalankan tugas berkaitan teknikal dan hal berkaitan multimedia adalah seramai dua orang. Gabungan staf ini amat penting untuk memastikan kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran di fakulti UiTMLaw dapat bergerak pada tahap optimum.

Staf UiTMLaw terdiri daripada gabungan staf akademik dan pentadbiran. Pengurusan atasan di UiTMLaw adalah terdiri daripada Dekan, Timbalan-timbalan Dekan, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar. Jika difokuskan kepada staf akademik, UiTMLaw adalah terdiri daripada Profesor, Profesor Madya dan Pensyarah. Selain itu juga, fakulti juga mempunyai staf akademik kontrak dalam pelbagai bidang. Staf pentadbiran pula adalah terdiri daripada Timbalan Pendaftar Kanan, Penolong Pendaftar Kanan, Penolong Pendaftar, Pegawai Eksekutif Kanan, Pegawai Eksekutif, Penolong Jurutera, Pembantu Makmal, Pelukis Pelan, Pembantu Tadbir, Juruterengkas dan Pembantu Tadbir Rendah.

Bagi tujuan peningkatan kompetensi dan kecekapan staf, UiTMLaw sepanjang tahun 2020 telah mengenalpasti kompetensi yang diperlukan untuk menambahbaik prestasi kerja masing-masing. Seterusnya, semua staf telah dipastikan memperolehi kelayakan dan kompetensi yang diperlukan untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada para pelajar melalui pendidikan, latihan, mahupun pengalaman. Staf juga adalah diwajibkan untuk terlibat dalam latihan dan pendedahan yang sesuai dalam usaha meningkatkan kompetensi mereka dengan mewajibkan kehadiran sekurang-kurangnya 42 jam latihan setahun.

Secara amnya, staf UiTMLaw dalam semua bahagian terlibat secara langsung telah menjayakan aktiviti pembangunan pelajar. Sebagai contoh, staf di Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Bahagian Pentadbiran adalah lebih dipertanggungjawabkan untuk mengawalselia aktiviti pembangunan pelajar yang bukan bersifat akademik. Berbeza pula dengan pensyarah dan staf di Bahagian Hal Ehwal Akademik, mereka bertindak sebagai tunjang utama dalam menguruskan aktiviti akademik para pelajar di fakulti.

Sepanjang tahun 2020, UiTMLaw telah memastikan sistem komunikasi dalaman yang berkesan diwujudkan melalui beberapa saluran seperti Amanat Dekan, Bengkel Perancangan Strategik, Mesyuarat Pengurusan Eksekutif, Mesyuarat Pengurusan Dalaman, Laman Web Rasmi dan Media Sosial Rasmi Fakulti (*Facebook, Instagram, Twitter*, dan lain-lain), Taklimat Kepimpinan Kanan, Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan serta pelbagai Pekeliling yang dikeluarkan. Saluran komunikasi dalaman dan luaran pula telah disokong, disebar dan dikawal oleh Pejabat Canseleri melalui Bahagian Canseleri Dan Komunikasi Korporat serta Web Media UiTMLaw.

Dalam usaha membuat penambahbaikan yang menyeluruh ke atas sistem fakulti, UiTMLaw sentiasa mematuhi dasar dan objektif kualiti yang telah ditetapkan. Bahkan, segala hasil audit,

analisis data, serta untaikan pembetulan dan kajian semua pengurusan sepanjang tahun 2020 menjadi rujukan utama pihak Pengurusan UiTMLaw dalam membuat penambahbaikan.

SENARAI BUKTI:

1. [KRITERIA 5 AKNC 2021 UiTMLaw Dengan Gambar.pdf](#)
2. [Bukti 2 - Carta Organisasi & Carta Fungsi UiTMLaw.pdf](#)
3. [Bukti 3 - Pekeliling NC UiTM Jam Latihan 42 Jam.pdf](#)
4. [Bukti 4 - UiTM2025 Desired State - Focused Areas of UiTM2025 Strategic Plan.pdf](#)
5. [Bukti 5 - Laman Sesawang UiTMLaw.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

UiTMLaw sepanjang tahun 2020 telah mengambil kira dasar dan perkara-perkara berkaitan yang telah ditetapkan oleh kerajaan dalam menggariskan teras dasar, matlamat dan strategi penyediaan perkhidmatan pendidikan tinggi, selain kriteria-kriteria yang terdapat dalam falsafah, visi, misi dan objektif UiTMLaw. Terdapat sepuluh aktiviti teras penyediaan perkhidmatan pendidikan tinggi dalam UiTMLaw atau keutamaan operasi Fakulti yang merangkumi Pembangunan Akademik, Pembangunan Pelajar, Pemantapan Pengurusan, Pembangunan Sumber Manusia, Pengurusan Kewangan, Pembangunan Penyelidikan, Perundingan, Perlindungan Harta Intelek dan Pengkomersilan, Pemindahan Pengetahuan, Pembangunan ICT, Pembangunan Fizikal serta Pengurusan Fasilitas.

UiTMLaw telah berjaya mengenalpasti dan menyediakan staf yang diperlukan untuk memaksimumkan keberkesanan sistem pengurusan berkaitan kualiti, operasi dan kawalan ke atas proses-proses universiti. Semua staf UiTMLaw adalah terlatih, cekap, mahir, dan berpengalaman dalam usaha menjamin mutu kerja berada pada tahap tertinggi. Semua keperluan sumber manusia di UiTMLaw juga telah dirancang mengikut kaedah yang ditetapkan oleh universiti.

Sebagai inisiatif untuk memastikan sumber manusia UiTMLaw terutamanya para pensyarah dapat mengoptimalkan kepakaran, pengetahuan dan pengalaman mereka, pihak Pengurusan Fakulti Undang-Undang Shah Alam telah meluluskan peruntukan latihan kepada pensyarah yang ingin menghadiri ataupun membentangkan kertas kerja di mana-mana seminar atau konferensi sepanjang tahun 2020. Malah, pihak UiTMLaw juga telah bersetuju untuk meluluskan peruntukan latihan secara geran yang berjumlah RM1,500.00 untuk tempoh setahun bagi setiap pensyarah di fakulti sekiranya ingin membentangkan kertas kerja, atau menjadi penceramah jemputan, atau menjadi pakar bidang jemputan di seminar mahupun konferensi di dalam negara dan juga negara ASEAN. Pensyarah yang telah memohon peruntukan tersebut di atas perlu membuat sesi perkongsian (*sharing session*) di peringkat fakulti. Sesi perkongsian juga boleh dibuat melalui perkongsian nota kursus bersama pensyarah-pensyarah lain di UiTMLaw melalui edaran atau secara emel.

Tahun 2020 juga turut menyaksikan UiTMLaw turut cemerlang mengadakan pelbagai bentuk siri webinar yang dilaksanakan dengan tujuan untuk memantapkan lagi kepakaran sumber manusia di fakulti. Sebagai contoh, terdapat 5 siri webinar yang berkaitan pengajaran dan pembelajaran secara atas talian telah dilaksanakan sepanjang tahun 2020. Webinar-webinar ini amat penting untuk memastikan tenaga-tenaga pengajar di UiTMLaw sentiasa cakna dengan penggunaan teknologi bagi membantu proses pengajaran bersama para pelajar.

Turut mengharumkan nama fakulti pada tahun 2020 adalah Dr. Nadzriah Ahmad, yang telah menerima biasiswa Fulbright 2020/2021 daripada J. William Foreign Fulbright Scholarship Board, Washington DC. Beliau telah dihantar oleh UiTMLaw untuk menjalankan kerja-kerja penyelidikan di Pennsylvania Law School sebagai pensyarah pelawat. Segala input dan maklumat yang beliau peroleh semasa berada di sana amat penting dan berguna kepada pembangunan kepakaran dalam UiTMLaw secara khususnya dan juga secara tidak langsung dapat dimanfaatkan para pelajar di fakulti.

UiTM Law juga seronok lagi kerana proaktif dalam usaha menambahkan kepakaran para pensyarahnya pada tahun 2020 dengan menjemput YBhg. Datuk Prasad Sandosham Abraham untuk membimbing warga UiTMLaw berkaitan etika profession perundangan. Majlis perkongsian yang diadakan pada bulan Mac 2020 bertajuk "*Talk on Advocacy: Skill in Legal Profession*" mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari warga fakulti. Ilmu dan pengalaman yang dikongsikan oleh YBhg. Datuk Prasad amat signifikan kepada para pensyarah dan akan turut sama memberi impak positif apabila disampaikan kepada pelajar-pelajar di fakulti kelak.

SENARAI BUKTI :

1. [Bukti 1 - Aktiviti Teras Penyediaan Perkhidmatan Pendidikan Tinggi.pdf](#)
2. [Bukti 2 - Pekeliling Dekan Bil. 1-2020 - Dasar Kelulusan Peruntukan Latihan Tahun 2020 Bagi Pensyarah Fakulti Undang-Undang.pdf](#)
3. [Bukti 3 - UiTMLaw Webinar Series 2020.pdf](#)
4. [Bukti 4 - Visiting Scholar Programme at PennLaw .pdf](#)
5. [Bukti 5 - Talk On Advocacy.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Sistem pemantauan operasi akademik sedia ada, yang dikenali sebagai Pemantauan Profesionalisme Pensyarah (PRO-PENS), telah digunapakai sejak 2012. PRO-PENS bertindak sebagai satu mekanisma pemantauan akademik yang memberi fokus kepada aktiviti berkaitan pengajaran dan pembelajaran (P&P). PRO-PENS yang telah dilaksanakan sepanjang 2020 di UiTMLaw bertujuan membantu fakulti dalam usaha memastikan tahap kualiti P&P sentiasa berada pada tahap yang terbaik. Jawatankuasa PRO-PENS yang ditubuhkan juga penting dalam memastikan keberadaan pensyarah ketika kuliah serta penyampaian syarahan mengikut garis panduan universiti yang ditetapkan. UiTMLaw bertanggungjawab memastikan pelaksanaan PRO-PENS berjalan dengan lancar memandangkan pemantauan ini merupakan satu kaedah yang berguna bagi penambahbaikan P&P secara berterusan.

Daripada segi pengajaran dan pembelajaran, Bahagian Hal Ehwal Akademik UiTMLaw bertanggungjawab dalam memastikan proses penyampaian ilmu berjalan dengan lancar dan berkesan di dalam kelas. Tahap keberkesanan penyampaian kuliah oleh pensyarah juga akan dinilai para pelajar melalui Kaji Selidik Pensyarah Atas Talian (SuFO).

Merujuk kepada pemantauan terhadap para pelajar pula, pelbagai kaedah seliaan telah diperkenalkan oleh UiTMLaw. Mengambil contoh terbaik adalah semasa Latihan Industri (LI) yang wajib disempurnakan oleh pelajar. Latihan industri ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengalaman kepada mereka tentang aspek asas praktikal, mengembangkan daya berinteraksi dan berkomunikasi selain melatih dan mendidik pelajar menjadi seorang yang bertanggungjawab. Pelajar-pelajar di UiTMLaw dikehendaki menjalani latihan industri selama minimum empat minggu sebagai salah satu syarat lulus pengajian mereka. Latihan Industri ini dapat membantu proses pembelajaran serta memberikan persediaan mental dan fizikal kepada pelajar, sebelum mereka menceburkan diri di dalam bidang yang berkaitan dengan undang-undang pada masa akan datang.

Bagi tujuan penilaian, para pelajar dikehendaki merekodkan segala aktiviti yang dilakukan sepanjang menjalani Latihan Industri di “*e-logbook*” yang telah disediakan oleh pihak fakulti. E-logbook ini perlu dihantar kepada pensyarah yang dilantik oleh pihak UiTMLaw sebagai pemantau pelajar berkenaan. Pensyarah pemantau pula telah dikehendaki untuk mengisi e-borang maklumbalas terhadap pelajar di bawah pemantauan masing-masing di pautan yang disediakan. Bukan itu sahaja, urusan pemantauan turut ditambahbaik dengan mewajibkan majikan yang telah menerima pelajar UiTMLaw menjalani Latihan Industri di tempat mereka, untuk turut sama mengisi e-borang maklumbalas berkenaan dengan prestasi pelajar di bawah seliaan mereka.

SENARAI BUKTI:

1. [Bukti 1 - Pekeliling Pemantauan Profesionalisme Pensyarah UiTM.pdf](#)
2. [Bukti 2 - Skop dan Tugas Penyelia Latihan Industri UiTMLaw.pdf](#)
3. [Bukti 3 - Laporan Maklumbalas Latihan Industri Sesi Okt 2020 - Feb 2021.pdf](#)
4. [Bukti 4 - Borang Penyeliaan Latihan Industri.pdf](#)
5. [Bukti 5 - Sampel Logbook Latihan Industri.pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Dalam usaha memastikan dan menjamin UiTMLaw sepanjang tahun 2020 mencapai matlamat yang telah ditetapkan, segala kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman terhadap fakulti telah dikenalpasti melalui analisa menyeluruh semasa perancangan dan semakan ke atas pelan strategik fakulti dilakukan. Keperluan pihak berkepentingan, khususnya pelajar telah ditentukan semasa perancangan strategik dilakukan. Dua buah dokumen yang berkaitan dan menjadi rujukan UiTMLaw adalah dokumen Perancangan Pelan Strategik dan juga Daftar Risiko. Daftar Risiko ini penting untuk proses menangani implikasi yang telah dikenalpasti serta memastikan tindakan yang akan diambil UiTMLaw untuk mengawal risiko-risiko tersebut sepanjang tahun 2020 berkesan dan setimpal.

Antara kekangan utama yang dikenal pasti oleh UiTMLaw pada tahun 2020 dalam usaha pembangunan pelajar adalah masalah kekurangan jumlah tenaga pengajar. Namun begitu, masalah ini berjaya diatasi apabila UiTMLaw mengambil langkah proaktif dengan mengambil beberapa tenaga pengajar secara sambilan. Sebagai contoh, untuk Diploma Lanjutan Syariah dan Amalan (LW601), seramai 7 orang tenaga pengajar telah diambil. Untuk menampung kekurangan pensyarah bagi program Sarjana Muda Undang-Undang dan Kepujian (LW224) pula, seramai 18 orang pensyarah sambilan dipanggil untuk berkhidmat. Ini secara tidak langsung telah dapat memastikan pelan pengajaran terbaik masih dapat dipraktikkan, seterusnya memastikan pelajar-pelajar di fakulti ini terus mendapat pendidikan yang terbaik walaupun wujudnya kekangan daripada segi tenaga sumber manusia.

Melalui aduan yang telah dibuat oleh pelajar berserta analisa-analisa lain yang dilakukan sepanjang tahun 2020, UiTMLaw segera melaksanakan tindakan bagi menangani punca-punca kekurangan tersebut selain merangka kaedah-kaedah untuk menghalang masalah terus berulang. Tindakan pencegahan yang digerakkan adalah sentiasa bersesuaian, dan mengambilkira masalah-masalah lain yang telah dijangkakan. Panduan Pengurusan Risiko juga telah diwujudkan dan menjadi panduan UiTMLaw dalam menyelesaikan aduan pelajar dengan cara mengambil tindakan untuk mengawal dan membetulkan risiko dihadapi, serta berurusan dengan akibatnya.

Selain itu juga, UiTMLaw telah menilai keperluan untuk mengambil tindakan terhadap aduan-aduan pelajar supaya masalah tidak lagi berulang serta pemantauan berkala sentiasa dilaksanakan. Kajian terperinci juga telah dibuat dari semasa ke semasa untuk memantau keberkesanan tindakan yang telah diambil selain mengemaskini risiko dan peluang yang dikenalpasti semasa perancangan. Bahkan, Pengurusan UiTMLaw sentiasa bersedia untuk membuat perubahan kepada sistem tadbir urus sekiranya terdapat keperluan mendesak demi kepentingan para pelajar di fakulti.

SENARAI BUKTI :

1. [Bukti 1 - Bantuan Kebajikan Pelajar UiTMLaw.pdf](#)
2. [Bukti 2 - Sumbangan Laptop UiTMLaw Kepada Pelajar.pdf](#)
3. [Bukti 3 - Poster Bantuan UiTMLaw.pdf](#)
4. [Bukti 4 - UiTMLaw Bittersweet Encounter 2020.pdf](#)
5. [Bukti 5 - Lantikan Pensyarah Sambilan.pdf](#)

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

UiTMLaw sepanjang tahun 2020 telah melakukan proses semakan semula keperluan yang berkaitan dengan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan. Proses ini penting untuk memastikan fakulti mempunyai keupayaan dalam memenuhi keperluan para pelajar. Semakan dilakukan adalah perlu sebelum UiTMLaw membuat komitmen untuk membekalkan produk dan perkhidmatan kepada pelanggan, khususnya pelajar.

Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada keperluan para pelajar, UiTMLaw akan memastikan semua dokumen yang berkaitan dipinda sewajarnya dan semua staf yang terlibat dimaklumkan tentang perubahan-perubahan yang dibuat. Sebagai contoh, dalam mendepani semester atas talian akibat pandemik COVID-19 yang melanda baru-baru ini, pelbagai latihan telah dilaksanakan dan dipergiatkan dalam usaha mempersiapkan para pensyarah menghadapi proses pengajaran secara maya.

Untuk makluman, UiTMLaw sentiasa beriltizam menyediakan perkhidmatan pengajian tinggi dalam bidang Undang-Undang yang berkualiti untuk melahirkan para professional yang cemerlang. Perkhidmatan yang diberikan sentiasa berteraskan penyampaian perkhidmatan, pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, penerbitan dan inovasi yang dapat memenuhi keperluan dan kepuasan pelanggan dengan mengambil kira kepatuhan kepada peraturan, garis panduan, dan proses kerja yang telah ditetapkan. Selain itu juga, UiTMLaw sentiasa mengamalkan sistem pengurusan yang berkesan melalui penambahbaikan berterusan dan kerja berpasukan.

Antara tindakan penambahbaikan yang telah diusahakan UiTMLaw adalah dengan memperkenalkan beberapa pelan objektif kualiti. Pertama, memastikan peningkatan sehingga 5% pelajar program Sarjana Muda tamat pengajian dengan CGPA 3.50 atau lebih. Kedua, memastikan sekurang-kurangnya 90% daripada pelajar sepenuh masa tamat pengajian dalam tempoh yang telah ditetapkan. Ketiga, meningkatkan bilangan tenaga pengajar dengan kelayakan Ijazah Kedoktoran sebanyak 50% dan Profesional kepada 40% menjelang 2025. Keempat, memastikan setiap pensyarah dapat menghasilkan sekurang-kurangnya satu penerbitan setiap tahun. Kelima, memastikan fakulti mendapat geran penyelidikan dengan jumlah keseluruhan sekurang-kurangnya RM100,000.00 setiap tahun. Keenam, memastikan kadar kebolehan pasaran siswazah sarjana muda melebihi 80%.

UiTMLaw sepanjang tahun 2020 juga sentiasa menyediakan persekitaran kerja yang kondusif dan selesa kepada sumber manusia terlibat serta mengutamakan budaya kualiti dan etika kerja yang baik. Pengurusan UiTMLaw telah memastikan pengurusan dan penyenggaraan ruang dilaksanakan mengikut keperluan yang ditetapkan dalam peraturan am keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Kemudahan persekitaran kerja termasuklah sistem pencahayaan, sistem ventilasi dan penghawa dingin, tempat kerja yang ergonomic, sistem keselamatan dan pencegahan kebakaran, kebersihan ruang, interaksi sosial serta kemudahan pekerja.

SENARAI BUKTI :

1. [Bukti 1 - Pelaksanaan Penyampaian Pembelajaran Dan Penilaian Secara Dalam Talian Dan Jarak Jauh.pdf](#)
2. [Bukti 2 - UiTMLaw Guidelines to eLearning.pdf](#)
3. [Bukti 3 - Pelaksanaan ODL Di UiTMLaw.pdf](#)

4. [Bukti 4 - UiTMLaw Bittersweet Encounter 2020.pdf](#)
5. [Bukti 5 - Objectif Kualiti UiTMLaw.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

UiTMLaw telah menganjurkan Majlis Anugerah Kecemerlangan Pelajar (MAKP) secara atas talian. Majlis bertujuan memberi penghargaan dan meraikan pelajar-pelajar yang berjaya mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan semester-semester yang lepas. MAKP ini turut diadakan untuk memberikan penghargaan kepada para pelajar yang menunjukkan pencapaian membanggakan dalam bidang kokurikulum.

Sebagai contoh, Anugerah Kecemerlangan Kokurikulum 2020 telah diberikan kepada pelajar yang aktif dalam aktiviti kesukarelawanan seperti Pelajar Sukarela (*Volunteer*) Bantuan COVID-19. Majlis juga turut mengiktiraf dan meraikan pelajar-pelajar yang berjaya memenangi pertandingan seperti Debat Piala Sultan Zainal Abidin, *FDI Moot Competition*, dan *Best Position Paper, Malaysia International Model United Nations 2020* (MIMUN). Acara yang julung kali diadakan secara atas talian ini turut memperlihatkan UiTMLaw menjemput para ibu bapa untuk turut sama hadir. Penganjuran MAKP 2020 secara atas talian ini telah memperlihatkan UiTMLaw telah menerima anugerah daripada pengurusan UiTM atas inovasi kreatif yang telah ditunjukkan.

Mendepani fasa COVID-19 yang berlarutan sepanjang tahun 2020, perubahan dan inovasi perlu diterima oleh UiTMLaw. Seminar yang sebelum ini akan diadakan secara bersemuka terpaksa ditukar kepada siri webinar. Sepanjang tahun tersebut, UiTMLaw telah berjaya mengadakan pelbagai bentuk webinar dalam usaha pemantapan kualiti staf, baik pensyarah mahupun staf pentadbiran. Sebanyak 24 webinar telah berjaya disempurnakan dan daripada jumlah tersebut, 3 siri webinar adalah melibatkan tetamu jemputan dari peringkat antarabangsa dan selebihnya adalah tetamu yang pakar dalam bidang masing-masing di peringkat tempatan.

Selain daripada itu, tahun 2020 juga memperlihatkan UiTMLaw buat pertama kalinya mengadakan sesi temuduga pemilihan pelajar bagi Sarjana Muda Undang-Undang dan Keupujian (LW224) selain program *Finishing School* secara atas talian secara atas talian. Sebagai tambahan, Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTMLaw juga memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada pelaksanaan aktiviti-aktiviti mahasiswa yang berteraskan jaringan industri & keusahawanan.

Bahagian Hal Ehwal Akademik UiTMLaw juga turut sama terlibat kearah membuat perubahan drastik dalam mendepani krisis COVID-19. Seperti sedia maklum, peperiksaan akhir bermula semester awal 2020 tidak dapat dilaksanakan secara bersemuka. Justeru, peperiksaan atas talian telah diimplimentasikan di seluruh UiTM. Maka, UiTMLaw telah membuat inovasi dengan memudahcara para pensyarah untuk menghantar salinan kertas-kertas peperiksaan akhir melalui pautan borang *Google*.

SENARAI BUKTI :

1. [Bukti 1 - MAKP UiTMLaw.pdf](#)
2. [Bukti 2 - UiTMLaw Webinar 2020.pdf](#)
3. [Bukti 3 - Gambar Sesi Temu Duga Secara Atas Talian.pdf](#)
4. [Bukti 4 - Career Guidance Module Finishing School UiTMLaw.pdf](#)
5. [Bukti 5 - Tanggungjawab Pemeriksa UiTMLaw.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Tidak dinafikan lagi UiTMLaw amat memberi perhatian kepada aktiviti pembangunan pelajar UiTMLaw demi mencapai nilai ESI dan iDART dalam diri pelajar sejajar dengan kehendak Pelan Strategik UiTM2025. UiTMLaw telah memilih untuk mengadakan hubungan bersama pihak industri agar dapat membentuk engagement di antara pelajar UiTMLaw dan pihak industri dari latarbelakang education dan non-education (dalam dan luar negara). Ini amat penting untuk membentuk pembangunan pelajar yang dapat mendukung untuk meningkatkan pembangunan Modal Insan untuk Negara Maju. Ini juga sejajar dengan agenda utama universiti untuk melahirkan dan memperkasakan Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang. Oleh itu, UiTMLaw sentiasa berazam untuk memberi kualiti perkhidmatan yang cekap, sistematik dan efisien disamping memastikan setiap program pembangunan pelajar adalah mengikut prosedur operasi yang ditetapkan bagi memastikan setiap aktiviti dan kerja yang dijalankan menepati kualiti perkhidmatan yang bermutu dan menghasilkan output kerja yang memuaskan dan sejajar dengan sasaran UiTMLaw iaitu melahirkan *High Quality Students Through Academic Excellence, Global Prominent and Holistic Learning*.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTMLaw telah mengenalpasti 2 proses utama yang menyokong kepada pencapaian objektif strategik dan pelaksanaan bagi pembangunan pelajar di UiTMLaw. Proses ini adalah berdasarkan kepada prosedur operasi bagi pelaksanaan program-program bersama jaringan industri dan pengantarabangsaan. Bagi memastikan keberkesanan proses ini, beberapa pelan strategik dan KPI yang telah dirancang oleh UiTMLaw semenjak awal tahun 2020 seperti yang tertera pada infografik 6.1 di atas. Proses ini merupakan sinergi dan kerjasama bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan Hal Ehwal Akademik (HEA), UiTMLaw. Pencapaian dan penambahbaikan proses akar dibuat dari masa ke semasa bagi memastikan keluncuran objektif pembangunan pelajar tahun 2020 dicapai dengan cemerlang walaupun pada fasa krisis pandemik covid-19. Dengan pelaksanaan proses ini, UiTMLaw percaya sasaran UiTMLaw untuk melahirkan *High Quality Students Through Academic Excellence, Global Prominent and Holistic Learning* tercapai.

Dalam mencapai KPI pelaksanaan proses pembangunan pelajar ini, UiTMLaw telah mengambil inisiatif untuk mengadakan kolaborasi program bersama pihak rakan universiti UiTMLaw daripada luar negara. Selain sinergi di antara Fakulti kedua-dua buah institusi, ia juga melibatkan penglibatan pelajar UiTMLaw dalam mengurus dan penganjuran program antarabangsa ini. Program-program ini nyata memperkasa UiTMLaw dari aspek *High Quality, High Employability, Global Prominent, Global Presence, dan Holistic Learning, Holistic Students*. Diantaranya seperti berikut:

1. UNIVERSITAS AIRLANGGA, INDONESIA (UNAIR): Sinergi kedua-dua buah fakulti UiTMLaw dan UNAIR mengadakan webinar antarabangsa secara atas talian bertajuk International Webinar on Legal Education Amidst Covid19 Pandemic: UiTMLaw and FH UNAIR bagi pelaja undang-undang kedua-dua institusi.
(<https://drive.google.com/drive/folders/1XbSkKrFPleTzE1gjooe2H4TuU0WwHto8?usp=sharing>)
2. UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI, BRUNEI (UNISSA) DAN UNIVERSITAS AIRLANGGA, INDONESIA (UNAIR): Program Webinar di peringkat antarabangsa ini dikelola 100% oleh para pelajar daripada kelab dalaman ALSA UiTMLaw bersama pelajar ALSA UNAI melalui penganjuran bersama program ALSA Law Students' International Collaboration Forum "From Pandemic To Diversity Possibility: A Joint Programme of ALSA UITM, ALSA LC UNAIR Indonesia & ALSA UNISSA Brunei". Bagi memastikan keluncuran proses program ini, pensyarah daripada kedua-dua universiti dilantik bertindak sebagai penasihat pelajar dan melaksanakan pemantauan dalam segala proses aktiviti. Program ini dijalankan dalam bentuk forum dan jawatankuasa pelajar bagi persatuan ALSA ini menjemput ahli panel daripada Malaysia, Indonesia, Brunei dan juga Australia. Jawatankuasa pelajar dan semua peserta daripada 3 buah negara ini (Malaysia, Indonesia dan Brunei) mempunyai slot ramah mesra di mana para peserta akan bermain aktiviti ice breaking dan networking session.
(<https://drive.google.com/drive/folders/1lq7puNrfatRWqjr0F4DRkddqL7fiR8UN?usp=sharing>)
3. UNIVERSITAS PADJADJARAN, INDONESIA: Program UiTMLaw Beyond Boundaries "Symbiosis UiTMLaw & FHUNPAD: Global Immersion Programme 2020" ini merupakan program antarabangsa dan perkongsian ilmu dan budaya antara kedua buah negara yang am penting untuk memberi pendedahan pendidikan bertaraf global kepada para pelajar UiTMLaw tanpa mengambil kira situasi pandemik covid 19 yang unprecedented. Panel jemputan daripada Indonesia dan Australia.
(<https://drive.google.com/drive/folders/11f5DWa0ruTOEDreHzbVo531NZAcYNkZf?usp=sharing>)

SENARAI BUKTI:

1. [KRITERIA 6-INFOGRAFIK.pdf](#)
2. [FUU Strategik Action Plan-10July2020 \(Final\) \(1\).pdf](#)
3. [1. senarai aktiviti jaringan industri webinar dan sinergi antarabangsa tahun 2020- LATEST 28 OGOS 2021.pdf](#)

4. [PI 2020_FACULTY & CAMPUS ACHIEVEMENT \(FUU\).pdf](#)
5. [KRITERIA 6 TUMPUAN KEPADA OPERASI \(1\).pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Seperti yang ditekankan di dalam Pelan Strategik UiTM2025, UiTM juga bermatlamat untuk memanfaatkan perkongsian pintar dengan industri dan diantara strategi yang dianjurkan adalah pengukuhan Pakatan Strategik bersama alumni dan industri melalui perkongsian strategik dengan pemain industri terkemuka. Oleh itu, UiTMLaw telah mengadaptasi inisiatif utama yang ke 33 dan 80 bagi pelaksanaan projek ini iaitu dengan mengadakan jalinan dan menjemput alumni atau/dan pakar daripada industri untuk berkongsi kepakaran agar dapat menyumbang kepada kemajuan pengajaran dan pembelajaran bagi pembangunan pelajar UiTMLaw. Webinar UiTMLaw Career Path Series, UiTMLaw Webinar Series with the Industry, dan Online Industrial Talk in the Classroom menjadi tonggak kepada kejayaan KPI ini. Pencapaian program bersama industri ini adalah cemerlang dan aktif dilaksanakan pada tahun 2020 walaupun pada musim krisis pandemik sehingga kini dan memberi impak yang amat berguna kepada pelajar UiTMLaw dan sejajar dengan sasaran UiTMLaw iaitu melahirkan High Quality Students Through Academic Excellence, Global Prominent and Holistic Learning.

Apabila krisis pandemik covid19 melanda dan berlakunya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia sekitar Mac 2020, UiTMLaw mengambil langkah proaktif bagi mewujudkan program Sukarela dan Kebajikan Pelajar bagi memastikan pengalaman kehidupan kampus yang sihat, selesa dan selamat untuk pelajar UiTMLaw melalui perkhidmatan dan kemudahan yang berimpak, berketerangkuman dalam menghasilkan graduan yang seimbang. Terdapat juga keterlibatan mahasiswa UiTMLaw menjadi sebahagian daripada pasukan sukarelawan UiTMLaw. Aktiviti sukarelawan ini bukan sahaja mampu meningkatkan tahap pencapaian mereka dari aspek kurikulum dan ko-kurikulum, malahan dapat menyemai nilai tanggungjawab dan sinergi yang tinggi untuk membantu komuniti dan masyarakat sekeliling yang berada dalam keadaan yang memerlukan. Jalinan penglibatan pensyarah, alumni, industri serta masyarakat di dalam proses pembelajaran dan kebajikan pelajar UiTMLaw ini selaras dengan aspirasi teras Graduan Seimbang UiTM2025 dalam menerapkan nilai dalaman ESI dan iDART di dalam diri pelajar dan semestinya menepati sasaran UiTMLaw iaitu melahirkan *High Quality Students Through Academic Excellence, Global Prominent and Holistic Learning*.

Mengambil contoh Projek Komputer Riba, model PDCA juga diadaptasi bagi memastikan objektif program tercapai dengan baik. HEP UiTMLaw melakukan hebahan tentang bantuan ini kepada pelajar UiTMLaw melalui Google Form bagi mengenalpasti pelajar UiTMLaw yang memerlukan bantuan komputer riba (P). Sumbangan diperolehi melalui hebahan dalaman kepada pensyarah dan alumni UiTMLaw (D). Permohonan pelajar melalui Google Form perlu dilampirkan dengan surat sokongan atau slip gaji ibu bapa bagi memastikan pelajar layak menerima bantuan. Pelajar yang disaring daripada maklumat Google Form akan ditemuramah melalui telefon bagi menetapkan kesesuaian menerima bantuan. Keutamaan diberikan kepada pelajar B40 dan tidak mempunyai komputer riba/desktop (C). UiTMLaw juga mempunyai hubungan baik dengan alumni UiTMLaw dan alumni adalah juga antara sumber tajaan jika memerlukan dan analisa pelaksanaan program akan sentiasa ditambahbaik oleh UiTMLaw (A).

SENARAI BUKTI :

1. [POSTER JARINGAN INDUSTRI u.pdf](#)
2. [5-2020 Kertas Kerja UiTMLAW WEBINAR SERIES \(MEI-JUN2020\).pdf](#)
3. [BANTUAN KEBAJIKAN PELAJAR FAKULTI UNDANG UNDANG.pdf](#)
4. [NO 24 - SYMBIOSIS UiTMLAW AND FHUNPAD GLOBAL IMMERSION PROGRAM \(GIP\) 2020 u.pdf](#)
5. [Sumbangan Laptop oleh Alumni dan FUU kepada pelajar Fakulti Undang- CDL.docx u.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pematuhan UiTMLaw terhadap proses sinergi aktiviti pelajar secara global dengan pihak luar negara dan proses program perkongsian kepakaran daripada industri bagi pelajar UiTMLaw dalam mencapai objektif strategik dan pelaksanaan bagi pembangunan pelajar (rujuk infografik 6.1 dan 6.4), memperoleh hasil jangkaan yang terbaik adalah sesuatu yang diharapkan. Sehubungan itu, dengan wujudnya program yang melibatkan kolaborasi dengan pihak luar, hasil jangkaan yang diharapkan oleh UiTMLaw adalah dengan menghubungkan dan memperkasakan ketampakan pelajar fakulti undang-undang yang mana melalui proses ini ia membolehkan pelajar menjamin penempatan pekerjaan sebelum tamat pengajian. Tambahan lagi, melalui pelaksanaan program Webinar UiTMLaw Career Path Series, UiTMLaw Webinar Series with the Industry, dan Online Industrial Talk in the Classroom hasil jangkaan yang dicapai termasuklah meningkatkan kemampuan pelajar untuk berfikir secara kreatif dan kritis dalam menyelesaikan masalah, mengamalkan sifat-sifat beretika, bermoral dan profesional dalam komunikasi dan selanjutnya meningkatkan kemahiran berkomunikasi pelajar itu sendiri supaya boleh menjadi modal insan kepada masyarakat kelak. Manakala, projek seumpama Projek SULAM Fakulti Undang-Undang menjangkakan hasil dapat mewujudkan semangat berpasukan dan setiakawan serta dapat melahirkan kemahiran kepimpinan dalam kalangan pelajar selaku penganjur program. Hasil jangkaan yang diperolehi ini nyata menepati sasaran UiTMLaw iaitu melahirkan *High Quality Students Through Academic Excellence, Global Prominent and Holistic Learning*. (rujuk kepada Pelaporan Program Pelajar Fakulti Undang-Undang)

SENARAI BUKTI:

1. [Kertas Kerja UiTMLaw Careerr \(1\).pdf](#)
2. [PELAPORAN PROGRAM PELAJAR FAKULTI UNDANG-UNDANG.docx.pdf](#)
3. [SULAM 26 jun 2020.pdf](#)

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Setiap program yang dilaksanakan sentiasa terdedah kepada risiko dan peluang. Bagi proses jaringan industri tiada risiko tinggi yang dikenal pasti dan hanya terdedah kepada risiko yang minima sahaja. Risiko rendah yang menjadi cabaran yang dikenal pasti termasuklah kesukaran untuk mendapatkan rakan kongsi dari pihak industri yang sudi berkolaborasi dan juga permohonan dokumentasi yang kurang lengkap mahupun tidak lengkap. Oleh yang demikian, bagi menjamin sebuah kolaborasi dan kejayaan dapat dicapai dengan kadar maksima, ketampakan UiTMLaw perlu dipertingkatkan dengan mewujudkan lebih kerap projek usahasama dengan pihak industri. Manakala, bagi risiko permohonan dokumentasi yang kurang lengkap, pelan tindakan yang perlu diambil ialah pihak HEA dan HEP perlu memberi taklimat yang jelas kepada pengarah bagi setiap program mengenai dokumentasi yang perlu dilengkapkan bagi setiap program. Hal ini kerana walaupun garis panduan dan praktis telah disediakan, namun daya fikir dan kefahaman setiap pengarah program adalah berbeza.

SENARAI BUKTI :

1. [INFOGRAFIK 6.6.pdf](#)

6.4.3 MENGAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Dengan meletakkan pembangunan pelajar sebagai keutamaan UiTMLaw, penganalisaan terhadap operasi dan penambahbaikan sentiasa dibuat dan dijalankan. Setiap program yang dijalankan oleh UiTMLaw sentiasa mengalu-alukan sebarang maklumbalas dan cadangan penambahbaikan daripada setiap peserta yang hadir. Kebiasaannya, maklumbalas ini diperolehi dan dikumpul secara dalam talian sebelum program berakhir. Para peserta akan diberi pautan untuk mengisi sebarang maklumbalas dan cadangan penambahbaikan berkenaan dengan program yang dihadiri dan maklumbalas ini akan dianalisa oleh penganjur bagi tujuan penambahbaikan. Perbincangan berkenaan dengan maklum balas peserta pada kebiasaannya akan dibuat oleh ahli jawatankuasa program. Di samping itu, laporan program juga perlu disediakan bagi tujuan penganalisaan tumpuan operasi dan penambahbaikan.

SENARAI BUKTI :

1. [Industrial Talk in the Classroom \(Responses\).pdf](#)

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pandemik Covid-19 nyata telah memberi impak terhadap pelaksanaan program jaringan industri dalam dan luar negara bagi UiTMLaw. Melalui kepimpinan Dekan, UiTMLaw telah berjaya membentuk C19-eLearn @ UiTMLaw Task Force bagi menangani/ membantu memimpin gerak kerja baru melalui atas talian. Task Force ini telah ditubuhkan pada Mac 2020. Task force telah menyediakan satu garis panduan yang mudah difahami, berbentuk interaktif dan disertakan dengan penerangan melalui video demo. Task force juga menganjurkan kelas / demo “step to step” bagi menerangkan serta membantu para pensyarah untuk memahami dan seterusnya menguasai platform secara atas talian. Latihan/video ini secara langsung telah menjadikan pensyarah beradaptasi dengan kaedah yang lebih kreatif selaras dengan norma baharu dengan menjalankan kelas dan pelbagai bentuk aktiviti secara atas talian. Ini juga secara tidak langsung dapat menggalakkan aktiviti jaringan industri kerana sebagaimana yang diketahui umum jaringan secara atas talian adalah tanpa batasan. Kebolehan/kepakaran pensyarah dalam menggunakan platform secara atas talian telah menggalakkan lebih banyak jaringan industri dalam pembangunan pelajar dapat dibentuk, dilaksanakan dan seterusnya hubungan terjalin dengan baik.

SENARAI BUKTI :

1. [UiTMLaw Guidelines to eLearning- March-2020.pdf](#)
2. [eLearning@UiTMLaw - Lecturer Guide u.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

HASIL UTAMA 1 - HASIL PERANCANGAN STRATEGIK YANG BAIK MEMBERI IMPAK KEPADA FAKULTI, UNIVERSITI DAN PELAJAR

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan dan pelaksanaan aktiviti pelajar di UiTMLaw adalah bertitik tolak daripada pencatutan strategik yang sangat baik dan berkesan selaras dengan Pelan Strategik UiTM 2025. Pengurusan Kanan UiTMLaw, para pensyarah, wakil-wakil kelab serta input daripada alumni telah membina sinergi yang utuh dalam merancang pelbagai aktiviti pelajar di peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa sebagaimana petunjuk prestasi yang disasarkan oleh pihak atasan universiti. Hasil sinergi bersama Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTMLaw, Bahagian Hal Ehwal Akademik dan ICAN ini mengikuti arus Gelombang Pertama PSUiTM2025 iaitu penjenamaan global dan perkongsian pintar ke arah mencapai matlamat strategik utama menjadikan UiTM bertaraf dunia pada tahun 2025. Bahagian ini akan melaporkan hasil dari perancangan strategik yang memberi impak kepada fakulti, universiti dan pelajar.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [UiTMLaw_Hasil_1_Tahap.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [UiTMLaw_Hasil_1_Tren.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [UiTMLaw_Hasil_1_Perbandingan.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [UiTMLaw_Hasil_1_Keputusan.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

HASIL AKTIVITI PELAJAR BERIMPAK TINGGI DENGAN PENERAPAN NILAI
KECEMERLANGAN, SINERGI DAN INTEGRITI

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Hasil daripada aktiviti pelajar yang berimpak tinggi membolehkan pembentukan graduan profesional bumiputera bertaraf dunia seiring dengan falsafah PSUiTM2025. Ini bertujuan untuk memastikan graduan UiTMLaw kekal relevan dan secara tidak langsung akan memberi impak yang besar kepada masyarakat serta menjadi contoh kepada bakal graduan yang lain. Bahagian ini akan melaporkan hasil daripada aktiviti pelajar yang memberi impak dalam menerapkan nilai kecemerlangan, sinergi dan integriti.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [UiTMLaw_Hasil_2_Tahap.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [UiTMLaw_Hasil_2_Tren.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [UiTMLaw_Hasil_2_Perbandingan.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [UiTMLaw_Hasil_2_Kepentingan.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

HASIL OPERASI BERSINERGI DAN BERIMPAK TINGGI

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Operasi yang bersinergi dan berimpak tinggi telah melahirkan pelajar UiTMLaw yang menepati Thrust 3 PSUiTM2025 iaitu Value-Driven Performance. Bahagian ini akan melaporkan Hasil dari Tumpuan Pembelajaran Holistik Melahirkan Pelajar Holistik dari sudut keberkesanan penglibatan pelajar dan Tahap Kegirangan Pelajar (Happiness Index).

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [UiTMLaw Hasil 3 Tahap.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [UiTMLaw Hasil 3 Tren.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [UiTMLaw Hasil 3 Perbandingan.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [UiTMLaw Hasil Utama 3 Kepentingan.pdf](#)